



PELAN PEMBANGUNAN  
**BOLA SEPAK**  
NEGARA  
FASA 1: **2014-2020**



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA





PELAN PEMBANGUNAN

# BOLA SEPAK

NEGARA  
FASA 1: **2014-2020**

# KANDUNGAN

## KATA-KATA ALUAN

- |    |  |    |                                     |
|----|--|----|-------------------------------------|
| 04 | KDYMM Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)                              | 07 | YB Menteri Belia Dan Sukan Malaysia |
| 05 | YAB Perdana Menteri Malaysia   | 09 | Glosari                             |
| 06 | YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia<br>Merangkap Menteri Pendidikan Malaysia |    |                                     |

## BAHAGIAN 01 PENDAHULUAN

- |    |                                    |    |                             |
|----|------------------------------------|----|-----------------------------|
| 12 | Pengenalan                         | 19 | Program Pembangunan Terkini |
| 14 | Peringkat Awal Program Pembangunan |    |                             |



## BAHAGIAN 02 PELAN PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NEGARA (PPBN)

- |    |                      |    |               |
|----|----------------------|----|---------------|
| 22 | Visi dan Misi        | 24 | Rasional PPBN |
| 23 | Teras Strategik PPBN | 25 | Fasa PPBN     |

## BAHAGIAN 03 PENDEKATAN PPBN

- |    |                 |    |   |
|----|-----------------|----|---|
| 28 | Penyediaan PPBN | 29 | Pelaksanaan PPBN Di Bawah Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara (JPBN) |
|----|-----------------|----|---|

Hakcipta terpelihara.  
Semua hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan buku ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara-cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia.

ISBN 978-967-11607-5-6

Diterbitkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia  
Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya  
Tel: 03-8871 3333 Faks: 8888 8763 laman web: [www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my)

Hakcipta © 2014 oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia

ISBN 978-967-11607-5-6



## **BAHAGIAN 04**

### **TERAS STRATEGIK PPBN**

#### **TERAS STRATEGIK 1: MEMBENTUK GAYA, MENINGKATKAN KUALITI DAN MEMBINA KENDIRI DENGAN DNA BOLA SEPAK NEGARA**

- |           |   |           |                                       |
|-----------|---|-----------|---------------------------------------|
| <b>36</b> | Pengenalan  | <b>40</b> | Taktik Individu, Kumpulan Dan Pasukan |
| <b>37</b> | DNA Bola Sepak Malaysia   | <b>41</b> | Konsep Permainan                      |
| <b>38</b> | Posisi Dan Profil Pemain<br>(Khusus Untuk Pembangunan Bakat Muda) | <b>42</b> | Pembentukan Kendiri Pemain            |

#### **TERAS STRATEGIK 2: MENGENAL PASTI DAN MEMBENTUK WIRA BOLA SEPAK NEGARA**

- |           |  |           |  |
|-----------|--|-----------|--|
| <b>44</b> | Pengenalan   | <b>54</b> | Bola Sepak Perempuan   |
| <b>45</b> | Menggalakkan Penyertaan  | <b>55</b> | Promosi Untuk Menggalakkan Penyertaan<br>Di Peringkat Komuniti |
| <b>52</b> | Sistem Saringan Dan Pencarian<br>Bakat Yang Lebih Terbuka,<br>Berterusan Dan Efektif |           |  |

#### **TERAS STRATEGIK 3: MENYEDIAKAN KEMUDAHAN YANG MENEPATI PIAWAIAN KEPADA SEMUA**

- |           |                                   |           |  |
|-----------|-----------------------------------|-----------|--|
| <b>60</b> | Pengenalan                        | <b>61</b> | Spesifikasi Serta Keperluan Kemudahan<br>Utama Di Bawah PPBN |
| <b>61</b> | Penambahan Bilangan Pusat Latihan |           |  |

#### **TERAS STRATEGIK 4: MENINGKATKAN PEMBANGUNAN KEJURULATIHAN**

- |           |   |           |  |
|-----------|---|-----------|--|
| <b>66</b> | Pengenalan  | <b>69</b> | Jurulatih Bertauliah Untuk<br>Bakat Muda           |
| <b>67</b> | Keperluan Jurulatih Sepenuh Masa<br>Menurut Tahun | <b>70</b> | Program Pembangunan Jurulatih                      |
| <b>68</b> | Keperluan Jurulatih Separuh Masa<br>Menurut Tahun | <b>71</b> | Penggunaan Kemudahan Portal<br>Untuk Kejurulatihan |

#### **TERAS STRATEGIK 5: MENGUKUHKAN STRUKTUR PERTANDINGAN DI PELBAGAI PERINGKAT**

- |           |                              |           |   |
|-----------|------------------------------|-----------|---|
| <b>74</b> | Pengenalan                   | <b>77</b> | Menambah Baik Dan Mempelbagaikan<br>Struktur Pertandingan Di Bawah PPBN |
| <b>75</b> | Struktur Kejohanan Sedia Ada |           |   |

## **79 PPBN: SEPINTAS LALU**

## **80 PENUTUP**

# KATA ALUAN

## PRESIDEN PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA (FAM)



Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) amat mengalu-alukan langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk merangka dan melaksanakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) ini. Dengan bantuan dan sokongan yang padu daripada pihak kerajaan, FAM percaya usaha untuk memantapkan prestasi sukan bola sepak negara akan dapat dicapai dengan jayanya. FAM turut menghargai kesediaan pelbagai pemegang yang berkaitan untuk turut menjayakan agenda pembangunan bola sepak ini, terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, kerana sistem pembangunan bakat di sekolah-sekolah merupakan landasan kritikal dalam menghasilkan generasi pemain bola sepak yang berkaliber satu hari nanti.

FAM berpandangan bahawa negara kita sememangnya memerlukan pelan perancangan jangka panjang yang menyeluruh dengan landasan penyertaan yang meluas bagi sukan bola sepak. Selain daripada itu, ianya memerlukan struktur pembangunan bakat yang sistematik, dan didukung oleh aspek-aspek lain seperti pembangunan kejurulatihan, kemudahan dan peralatan yang lengkap dan mencukupi serta struktur pertandingan yang tersusun. Oleh itu, langkah yang diambil oleh KBS ini amat bertepatan dengan waktunya dan FAM amat berharap agar semua pihak dapat menggembeleng usaha dan tenaga ke arah menjayakan Pelan ini.

Sebagai badan peneraju yang bertanggungjawab dalam membangun dan memajukan prestasi pasukan bola sepak kebangsaan, FAM sendiri termasuk semua persatuan di peringkat negeri dan daerah akan memberikan sokongan yang padu bagi memastikan usaha ini dapat direalisasikan sepenuhnya. Pelan ini merupakan pelengkap kepada pelbagai usaha FAM untuk meningkatkan prestasi pasukan kebangsaan serta skuad pelapis. Ini kerana FAM yakin pelaksanaan Pelan ini akan dapat menyediakan gagasan bakat pemain bola sepak yang lebih besar dan mantap untuk dimanfaatkan oleh pasukan kebangsaan pada masa hadapan. Dengan ini, hasrat kita semua untuk melihat Malaysia kembali menjadi salah satu gergasi bola sepak di rantau ini akan tercapai.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak KBS yang telah mengambil inisiatif yang begitu baik untuk terus membangunkan sukan bola sepak kita. Saya berharap program ini akan mencapai kejayaan yang cemerlang sebagaimana yang kita harap-harapkan. Semoga sukan bola sepak kita akan mencatat kejayaan demi kejayaan selepas ini, di mana nama pasukan kebangsaan Malaysia akan kembali harum serta cemerlang di arena antarabangsa. Semoga segala usaha yang murni ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL MUSTA'IN BILLAH".

SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL MUSTA'IN BILLAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL MU'ADZAM SHAH

# KATA ALUAN

YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Bola sepak merupakan sukan yang paling popular di dunia dan juga di Malaysia. Pernah terdapat sejarah yang cemerlang di mana kita pernah dua kali melayakkkan diri ke Sukan Olimpik, dua kali memenangi pingat gangsa di Sukan Asia serta meraih banyak kejayaan yang lain di peringkat serantau. Ketika itu, nama Malaysia berada setaraf dengan negara-negara seperti Iran, Korea Selatan serta Jepun. Pemain-pemain kita pula sentiasa disegani dan ada di kalangan mereka yang diiktiraf sebagai antara pemain terbaik Asia.

Namun begitu keadaan ini telah berubah setelah kian lama. Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi ruang untuk negara terus memperbaiki kedudukan ini memandangkan bola sepak merupakan sukan nombor satu negara. Sudah tentu kedudukan dan prestasi yang baik akan membanggakan kita semua. Dengan perkembangan ini, inilah masa yang paling sesuai untuk kita terus membangunkan prestasi bola sepak kebangsaan agar kita kembali ke era kegemilangan Malaysia sebagai jaguh serantau.

Satu perancangan yang holistik dan komprehensif perlu dilaksanakan untuk mengembalikan zaman kegemilangan sukan bola sepak yang pernah kita kecapi. Oleh itu, langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk melaksanakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara 2014-2020 (PPBN) amatlah dialu-alukan dan bertepatan dengan masanya. Program yang akan dilaksanakan secara menyeluruh di semua peringkat ini kelak diharap akan dapat melahirkan generasi baru sukan ini yang berbakat besar, berpotensi tinggi dan mampu bersaing dengan antara yang terbaik di dunia. Semoga nama Malaysia akan menjadi sebutan dengan kejayaan-kejayaan cemerlang yang bakal kita kecapi di peringkat antarabangsa.

Saya berharap usaha KBS ini akan mendapat sokongan semua pihak terutama pemegang-pemegang taruh yang penting seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM). Tanpa sokongan yang padu serta komitmen yang jitu daripada kesemua pihak yang berkaitan, Pelan ini sudah tentu tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pelaksanaan Pelan ini juga memerlukan kerjasama rapi dari semua pihak, di mana pelaksanaan kerajaan semata-mata tidak akan mencukupi. Oleh yang demikian, saya amat mengharapkan agar pihak swasta dan badan korporat dapat tampil untuk membantu meringankan beban kerajaan bagi melaksanakan Pelan ini. Sesungguhnya Pelan ini merupakan agenda dan dasar nasional dan kejayaannya kelak merupakan kejayaan kita semua.

Saya mendoakan agar segala usaha murni kita ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada KBS yang telah berjaya menghasilkan Pelan ini dan seterusnya memastikan program ini mencapai objektif sepertimana yang disasarkan. Semoga sukan bola sepak kita akan kembali berada megah di persada antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK



# KATA ALUAN

YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA  
MERANGKAP MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



Sukan bola sepak merupakan sukan yang penting dalam agenda pembangunan sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sukan ini sentiasa mendapat keutamaan dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pemain yang berbakat dan berpotensi untuk mewakili negara pada masa akan datang. KPM telah menubuhkan banyak Pusat Latihan Daerah, Pusat Latihan Negeri dan Sekolah Sukan Negeri di seluruh negara yang disediakan dengan pelbagai kemudahan dan kepakaran bagi membolehkan atlet-atlet menjalani latihan dan menyertai pertandingan sepanjang tahun. Malah Sekolah-Sekolah Sukan Malaysia juga turut menempatkan bakat-bakat bola sepak terbaik yang dipilih daripada pelbagai peringkat umur. KPM juga turut mengelolakan kejohanan-kejohanan dari peringkat daerah serta negeri sehingga ke peringkat kebangsaan dan pada masa yang sama, pasukan MSSM turut menyertai pelbagai kejohanan antarabangsa seperti Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN dan Asia serta kejohanan-kejohanan jemputan yang lain.

Sejarah telah membuktikan bahawa hampir kesemua pemain-pemain yang mewakili negara lahir daripada sistem pembangunan bakat di peringkat sekolah. Dalam pada itu, KPM amat mengalu-alukan langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam merancang dan melaksanakan Pelan Pembangunan Bolasepak Negara (PPBN) ini. Pelan ini amat penting dalam usaha kerajaan untuk mengembalikan zaman kegemilangan bola sepak negara yang pernah kita kecapi pada satu masa dahulu. Program ini akan dilaksanakan dengan mengenalpasti pemain-pemain berbakat di kalangan yang berumur di antara 7 hingga 17 tahun, di mana mereka akan ditempatkan di pusat-pusat latihan yang dikenalpasti bagi menjalani latihan yang berkualiti sepanjang tahun.

Pelaksanaan pelan ini akan melibatkan KPM sebagai pemegang taruh utama kerana pada peringkat umur 7 hingga 17 tahun tersebut, sebahagian besar komponen yang digunakan bagi menjayakan program ini berada di bawah seliaan dan tanggungjawab KPM termasuk pelajar dan para guru yang bertugas sebagai jurulatih. Tambahan lagi, padang dan lain-lain kemudahan sekolah juga akan turut digunakan sebagai pusat latihan dan pertandingan di bawah pelan ini.

Sehubungan itu, KPM akan memberikan sepenuh kerjasama dalam menjayakan program ini. Inisiatif di bawah pelan ini adalah selaras dengan dasar Satu Murid, Satu Sukan yang diamalkan oleh KPM di mana semua pelajar harus melibatkan diri di dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Oleh yang demikian, dengan kemudahan dan kepakaran yang akan disediakan nanti, saya berharap agar lebih ramai pelajar akan menunjukkan minat untuk bergiat dalam kegiatan sukan terutamanya bola sepak agar hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai pemain bola sepak yang hebat akan dapat dicapai satu hari nanti.

Akhir kata, sekalung tahniah saya ucapan kepada Kementerian Belia dan Sukan, Jawatankuasa Pembangunan Bolasepak Negara dan semua pihak yang terlibat dalam merangka dan menjayakan pelan ini. Insya Allah, harapan rakyat yang tinggi menggunakan untuk melihat kejayaan cemerlang dan berterusan pasukan bola sepak kebangsaan kita akan tercapai juga dengan kesungguhan dan keikhlasan semua pihak dalam melaksanakan objektif ini. Semoga Allah SWT memberkati segala perancangan dan usaha kita.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Helleecceen". It is a stylized, flowing script.

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN

# KATA ALUAN

YB MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

Bola sepak adalah sukan nombor satu di negara malah di seluruh dunia. Ianya merupakan sukan universal yang diminati seluruh peringkat usia dan segenap lapisan masyarakat. Tiada sukan lain yang dapat membangkitkan emosi dan menyemarakkan semangat sepetimana bola sepak. Oleh itu, walaupun perhatian akan terus diberi kepada sukan-sukan lain, saya mendukung visi untuk melaksanakan perubahan jangka masa panjang dalam memastikan sukan bola sepak negara berada di kemuncak kegemilangan dan kecemerlangan pada masa hadapan.

Ke arah ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan dan prestasi sukan di negara ini telah menyediakan satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara 2014-2020 (PPBN), yang bertujuan untuk membangunkan semula sukan ini secara menyeluruh yang melibatkan semua aspek pembangunan seperti penyertaan atlet, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan. Sasaran utama adalah untuk menyediakan satu landasan bagi menggilap bakat pemain-pemain yang berumur antara tujuh sehingga 17 tahun ke arah menjadi wira bola sepak negara pada masa hadapan.


Pelan ini juga mewujudkan falsafah bola sepak negara yang dikenali sebagai DNA bagi menghasilkan corak dan cara permainan yang paling sesuai dengan pemain kita, dan ianya akan dipraktikkan di semua peringkat, daripada peringkat pembangunan sehingga ke pasukan kebangsaan. Pelan ini akan memastikan pemain-pemain yang dilahirkan mempunyai tahap kecerdasan, ketahanan mental serta nilai-nilai murni yang tinggi yang merupakan elemen kritikal dalam membentuk jaguh bola sepak negara yang lengkap dan mampu bersaing di pertandingan peringkat antarabangsa.

Di bawah Pelan ini juga, program bola sepak negara akan lebih bersifat inklusif, di mana bakat-bakat muda yang berminat akan diberi peluang untuk turut serta di akademi-akademi latihan yang akan disediakan dengan pelbagai kemudahan dan kepakaran di setiap daerah menjelang tahun 2020. Pada masa yang sama, program pengenalpastian bakat dan pencarian bakat (*talent identification* dan *talent scouting*) akan dilaksanakan di seluruh negara bagi memastikan bakat muda yang dipilih benar-benar mempunyai potensi untuk terus meningkat maju pada masa akan datang.

Selain itu, program kejurulatihan juga akan turut dititikberatkan bagi memastikan jurulatih mempunyai komitmen dan kepakaran spesifik dalam mengendalikan program latihan serta pendedahan pemain peringkat umur tujuh sehingga 17 tahun. Tambahan lagi, struktur pertandingan juga akan diperkuatkan untuk menyediakan lebih banyak pengalaman dan pendedahan intensif kepada para pelatih di bawah program ini.


Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kesemua pihak yang telah berganding bahu serta memberi sumbangan masing-masing dalam penyediaan Pelan ini termasuk Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), para penaja, para penyokong dan peminat bola sepak tanah air, ibu bapa para pelatih di bawah program pembangunan bola sepak dan juga pihak media. Maklum balas serta pandangan mereka amat saya hargai dan semoga hasrat murni kita untuk menjayakan pelan ini akan mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.



KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR





AMD	: Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari
AFC	: Asian Football Confederation
AFF	: ASEAN Football Federation
CoC	: Champion of Champions
DNA	: Deoxyribonucleic Acid atau dimaksudkan sebagai falsafah bola sepak dalam Pelan ini
FAM	: Football Association of Malaysia atau Persatuan Bolasepak Malaysia
JPBN	: Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara
KBS	: Kementerian Belia dan Sukan
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
MSN	: Majlis Sukan Negara Malaysia
MSSM	: Majlis Sukan Sekolah Malaysia
MyKids Soccer	: Pusat Latihan MyKids Soccer
PBN	: Persatuan Bola Sepak Negeri
PLD	: Pusat Latihan Daerah
PPBN	: Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara
SPTS	: Sukan Prestasi Tinggi Sekolah
SSM	: Sekolah Sukan Malaysia
SSN	: Sekolah Sukan Negeri

BAHAGIAN

# 01 PENDAHULUAN



# PENGENALAN

Sukan bola sepak adalah sukan nombor satu dari segi popularitinya di Malaysia yang telah diperkenalkan dengan kedatangan British ke Tanah Melayu. Seawal 1905, liga pertama sukan ini telah dianjurkan dan disusuli dengan penubuhan pasukan bola sepak kebangsaan di bawah pimpinan pegawai kolonial British, Andrew Caldecott yang merupakan Presiden Persatuan Bolasepak Malaya (FAM) yang pertama pada tahun 1933. Selepas Perang Dunia Kedua dan kemerdekaan tanah air, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dipilih untuk menerajui FAM pada tahun 1951 dan membawa sukan bola sepak ke satu tahap yang membanggakan terutama dari segi pencapaian di peringkat antarabangsa.



Pasukan Malaya ketika itu merupakan antara pasukan terkuat di Asia pada awal 1950-an sehingga 1960-an bersama-sama dengan pasukan Korea Selatan. Pencapaian terbaik negara ialah berjaya memenangi pingat gangsa Sukan Asia 1962 di Jakarta, Indonesia dengan barisan pemain seperti Abdul Ghani Minhat, Arthur Koh, G. Govindaraju, Robert Choe, Edwin Dutton dan Stanley Gabriel. Kegemilangan pasukan bola sepak kebangsaan berterusan dengan barisan pemain seperti Namat Abdullah, Shaharuddin Abdullah, Wong Fook Chuan, N. Thanabalan, Zulkifli Norbit dan Abdullah Nordin sehingga layak ke Sukan Olimpik Munich 1972

apabila menewaskan Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Filipina di pusingan kelayakan.

Pasukan bola sepak kebangsaan terus cemerlang apabila berjaya memungut pingat gangsa Sukan Asia Tehran 1974 dan berjaya layak berturut-turut ke Piala Asia 1976 dan 1980 dengan barisan pemain lagenda seperti Mokhtar Dahari, Santokh Singh, Soh Chin Aun dan penjaga gol, R. Arumugam. Sukan bola sepak negara terus mekar apabila sekali lagi layak ke Sukan Olimpik Moscow 1980 di mana munculnya pula gandingan pemain Hassan Sani dan James Wong. Namun, negara mengambil

keputusan memboikot temasya berkenaan kerana membantah pencerobohan Kesatuan Soviet ke atas Afghanistan. Pasukan kebangsaan kemudian ditaristi pula oleh generasi pemain seperti Zainal Abidin Hassan, Serbegeth Singh, Lim Teong Kim dan Dollah Salleh pada tahun 1988 serta terus mengekalkan rekod prestasi yang membanggakan.

Namun, arena bola sepak tanah air pada tahun 1994 dan 1995 digemparkan dengan gejala rasuah mengatur perlawanan sehingga menyaksikan lebih 100 pemain dan jurulatih yang disyaki telah ditahan pihak berkuasa untuk soal siasat. Hasilnya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengenakan hukuman terhadap 26 pemain di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 yang menyaksikan mereka dibuang daerah. Dalam pada itu, seramai 57 pemain serta seorang penolong jurulatih pula telah digantung penyertaan antara satu sehingga lima tahun selepas didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin FAM.

Kejadian itu ternyata memberi kesan terhadap landskap bola sepak negara apabila para peminat hilang kepercayaan terhadap liga tempatan dan pemainnya, sekaligus menjelaskan pembentukan pasukan

kebangsaan yang mantap dan merencatkan kecemerlangan negara di pentas sukan antarabangsa.

Pelbagai usaha untuk mengembalikan kegemilangan pasukan bola sepak negara telah diambil termasuk mendapatkan khidmat jurulatih luar negara seperti Claude Le Roy, Allan Harris, Bertalan Bicskei selain mempertaruhkan kredibiliti jurulatih tempatan seperti Wan Jamak Wan Hassan, Abdul Rahman Ibrahim, Norizan Bakar, B. Sathianathan dan K. Rajagopal. Bagaimanapun semua usaha itu menyaksikan kedudukan (*ranking*) Malaysia di carta antarabangsa tidak banyak berubah malah merudum ke tahap yang amat mengecewakan.

Namun begitu sukan bola sepak negara dilihat bersinar kembali dengan kejayaan pasukan kebangsaan menjuarai Piala ASEAN Football Federation (AFF) pada tahun 2010 selepas penantian selama 14 tahun. Begitu juga dengan kejayaan skuad kebangsaan bawah 23 tahun yang memenangi pingat emas Sukan SEA Laos 2009 dan Indonesia 2011. Bagaimanapun, kita gagal mempertahankan pingat emas berkenaan apabila tewas kepada Indonesia di peringkat separuh akhir Sukan SEA Myanmar 2013.

# PERINGKAT AWAL PROGRAM PEMBANGUNAN

Menyedari kemerosotan sukan bola sepak negara, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan pada tahun 2004 telah menyenaraikan sukan bola sepak dalam senarai 19 jenis sukan yang perlu diberi perhatian khusus dan dibangunkan secara pesat. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menjayakan sukan bola sepak negara, namun langkah-langkah yang diambil pada ketika itu tidak menyeluruh dan oleh itu, tidak membawa kesan positif yang mampan. Bagaimanapun, inisiatif mengenal pasti bakat telah diberi penekanan dan menjadi titik tolak kepada usaha pembangunan bakat muda sehingga ke hari ini.

Pada tahun 2006, dalam usaha mencungkil bakat baharu, sukan bola sepak negara telah dipilih sebagai salah satu daripada sukan di dalam Program Sukan Teras di bawah kendalian Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN), bagi menggantikan program Tunas Cemerlang yang telah dilaksanakan selama 17 tahun sebelum itu.

Program Tunas Cemerlang yang telah ditubuhkan pada tahun 1989 merupakan sebuah program pembangunan bakat sukan bola sepak di kalangan pelajar berumur 13 sehingga 15 tahun yang dikelolakan oleh MSN dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). Program ini bertujuan untuk melahirkan atlet-atlet berpotensi dan mengembangkan kemahiran mereka di sekolah atau pusat latihan, dengan kemudahan asas seperti asrama, padang/gelanggang latihan dan jurulatih yang bertauliah dalam kalangan guru untuk melatih atlet sepanjang tahun. Program ini merangkumi 42 pusat latihan melibatkan 1,295 murid dan 93 jurulatih.

Program Sukan Teras pula merupakan program pembangunan bagi melahirkan bakat sukan bola sepak di kalangan pelajar berumur antara 10 sehingga 15 tahun yang dikelolakan oleh MSN, dengan kerjasama FAM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di samping itu, sebanyak 20 pusat untuk pelajar bawah 12 tahun (B-12) yang melibatkan 24 jurulatih dan 600 murid serta 43 pusat B-15 yang melibatkan 98 jurulatih dan 1,315 murid telah turut ditubuhkan.

Bagaimanapun, pendekatan tersebut telah diubah pada tahun 2009 apabila Program Sukan Teras telah dibawa ke peringkat sekolah dengan mengambil kira peranan sekolah sebagai pusat pembangunan bakat sukan yang lebih efektif dan berkesan. Pelaksanaan Program Pembangunan Bola Sepak peringkat sekolah ini diserahkan sepenuhnya kepada KPM sejajar dengan peranan besar yang mula dimainkan oleh kementerian berkenaan dalam pembangunan sukan. KPM telah melaksanakan program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) yang melibatkan tujuh jenis sukan, termasuk sukan bola sepak.

Pada tahun 2008, program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) untuk bola sepak melibatkan tiga kategori:



Pertandingan yang dijalankan adalah seperti berikut:





Di samping itu, satu program pengenalpastian bakat atau *talent identification* telah diperkenalkan atas kerjasama di antara KBS dan KPM. Tujuan program tersebut adalah untuk mengenal pasti dan memilih pemain berpotensi dalam pelbagai sukan, termasuklah pemain bola sepak yang berbakat di peringkat akar umbi.

Di bawah program pengenalpastian bakat ini, pemain yang terpilih ke Sekolah Sukan Negeri (SSN) telah dididik mengenai pelbagai elemen sains sukan seperti pemakanan, nutrisi, suaian fizikal, psikologi, fisiologi senam, biomekanik dan analisis prestasi. Langkah ini diambil supaya mereka dapat mengamalkan budaya hidup sebagai seorang pemain berprestasi tinggi sejak alam persekolahan lagi.

Walaupun pelbagai program untuk membangunkan bakat sukan bola sepak telah diusahakan, kerajaan sedar bahawa isu yang melanda bola sepak negara adalah terlalu besar dan merangkumi pelbagai perkara yang tidak boleh diselesaikan tanpa pendekatan menyeluruh. Oleh itu, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 1 Disember 2008 telah memutuskan untuk menubuhkan satu jawatankuasa bersama antara KBS, KPM, Kementerian Pengajian Tinggi (pada waktu itu) dan FAM. Jawatankuasa ini telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji masalah bola sepak secara menyeluruh dan seterusnya, untuk menyediakan satu pelan cadangan terperinci bagi menangani masalah tersebut secara strategik dan sistematik.

Hasilnya, sebuah Jawatankuasa Kerja Khas telah ditubuhkan pada tahun 2009 yang terdiri daripada wakil-wakil KBS, KPM, FAM, MSN, Institut Sukan Negara, bekas pemain bola sepak negara serta Persatuan Jurulatih Bola Sepak Malaysia. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk mengkaji program pembangunan bola sepak secara menyeluruh terutama di peringkat akar umbi. Lantaran itu, Jawatankuasa Kerja Khas tersebut telah membincangkan isu-isu berkaitan dan merangka strategi dan perancangan untuk meningkatkan kembali prestasi sukan bola sepak negara. Hasilnya telah dihimpun dan disusun dalam satu dokumen yang bertajuk Pelan Tindakan Untuk Meningkatkan Kembali Prestasi Bola Sepak Negara.

Di samping itu, Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara dengan dana permulaan sebanyak RM10 juta telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di Majlis Meraikan Kejayaan Kontinjen Negara di Temasya Sukan SEA Laos 2009 pada 12 Januari 2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Pada masa yang sama, satu Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara (JPBN) juga telah ditubuhkan untuk bertindak sebagai badan penasihat dan pemantau kepada program pembangunan bola sepak yang dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana di pelbagai peringkat. Jawatankuasa tersebut juga telah menetapkan satu misi nasional iaitu kelayakan pasukan bola sepak negara (di bawah umur 17) untuk menyertai Piala Dunia Remaja 2019.

Bagi mengasah lagi bakat-bakat berpotensi dalam sukan bola sepak, banyak pusat kecemerlangan bola sepak yang bertujuan untuk melatih bakat-bakat muda telah ditubuhkan di seluruh negara, umpamanya Pusat Latihan MyKids Soccer (MyKids Soccer) di bawah seliaan MSN dan Pusat Latihan Daerah (PLD) di bawah seliaan KPM bagi pemain remaja. Seorang ketua jurulatih dan tujuh orang penolong separuh masa ditugaskan di setiap pusat latihan ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) pula, satu Akademi Bola Sepak Negara telah dirancang dan siap dibina pada tahun 2012.



Di samping itu, pelbagai pertandingan telah turut dianjurkan khas untuk pembangunan bakatumpamanya Kejohanan Champion of Champions (CoC) yang merupakan acara kemuncak bagi kejohanan-kejohanan peringkat B-12. Tujuannya adalah untuk mengumpulkan juara-juara dari kejohanan bola sepak B-12 yang diiktiraf oleh FAM dan Persatuan Bola Sepak Negeri (PBN). Edisi pertama CoC telah diadakan pada 11 sehingga 18 Disember 2011 di Muar, Johor dengan melibatkan lapan pasukan.

Pelbagai program yang disebutkan di atas telah berjaya membawa beberapa kejayaan sukan bola sepak di kejohanan peringkat umur seperti yang tercatat di bawah:

**Senarai Kejayaan Pasukan Kebangsaan B-12, B-15 dan B-17**

PERINGKAT UMUR	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
<b>B-12</b>	Juara Kejohanan Piala Cappy, Croatia	Tempat Ketiga Kejohanan Remaja Antarabangsa Saitama, Jepun	Tiada kejayaan	Tiada kejayaan	Juara Kejohanan Champion of Champions	Tempat Ketiga Kejohanan Remaja Antarabangsa Saitama, Jepun	Naib Juara Kejohanan Piala Cappy, Croatia
<b>B-15</b>		<b>Pasukan baharu ditubuhkan pada tahun 2013</b>					
<b>B-17</b>	Pasukan belum ditubuhkan			Juara Piala Presiden (B-20) FAM	Tiada kejayaan	Tiada kejayaan	Juara Kejohanan Remaja B-16 AFF, Myanmar


# PROGRAM PEMBANGUNAN TERKINI

Walaupun beberapa kejayaan telah dicapai, namun ia dilihat belum mampu membawa hasil yang konsisten atau menjadikan Malaysia sebagai kuasa bola sepak yang disegani secara mampan. Masih wujud lagi pelbagai isu yang perlu diatasi agar semua pemegang taruh dalam program pembangunan bola sepak negara tidak bertindak secara berasingan atau melaksanakan tugas masing-masing dengan matlamat atau cara yang berbeza-beza.

Atas kesedaran ini, pada tahun 2013, Menteri Belia dan Sukan telah berusaha untuk mengambil inisiatif agar pembangunan sukan bola sepak negara dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan menggunakan pemikiran strategi di luar kotak. Sebagai permulaan, satu transformasi komprehensif terhadap program pembangunan sukan bola sepak kini diperkenalkan, di mana penekanan kepada beberapa teras pembangunan akan diberikan melalui satu pelan yang dikenali sebagai Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN). PPBN merupakan satu pelan jangka panjang, di mana fasa pertama akan bermula dari tahun 2014 sehingga 2020.

Buat pertama kalinya, program pembangunan bola sepak akan berpandukan kepada falsafah atau DNA bola sepak negara yang dibentuk dengan mengambil kira cara terbaik yang perlu diamalkan dalam menggilap bakat pemain muda. DNA bola sepak ini akan diterapkan dalam setiap peringkat latihan PPBN bagi pemain berusia tujuh sehingga 17 tahun di seluruh negara. DNA ini juga akan menjadi asas kepada semua pemegang taruh dalam melunaskan tanggungjawab masing-masing dan membolehkan satu matlamat yang jelas dan sama dijadikan sebagai panduan dalam melahirkan pemain bola sepak Malaysia bertaraf dunia.

Di bawah PPBN, akses kepada pusat latihan, corak latihan tersusun dan kemudahan yang menepati piawaian akan dipertingkatkan lagi. Selain itu, penambahan jumlah jurulatih dan pertandingan akan dilakukan serentak, secara berperingkat-peringkat. Pusat Latihan MyKids Soccer ( tujuh sehingga 12 tahun) akan dijenamakan semula menjadi Akademi Tunas manakala program bola sepak untuk pemain-pemain berumur 12 sehingga 17 tahun pula akan dikendalikan di Pusat - Pusat Latihan Daerah (PLD). Akademi Bola Sepak Negara di Gambang akan diberi nama baharu, iaitu Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD). Pemilihan nama itu diharap akan menjadi inspirasi bagi semua bakat muda untuk menjadi pemain sehebat Allahyarham Super Mokh suatu hari nanti.



BAHAGIAN

# 02 PELAN PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NEGARA (PPBN)



# VISI PPBN

Untuk melahirkan ramai pemain bola sepak bertaraf dunia secara konsisten

# MISI PPBN

Untuk mewujudkan satu ekosistem pembangunan bola sepak yang sistematik dan menyeluruh ke arah meningkatkan kuantiti serta kualiti pemain bola sepak negara



# TERAS STRATEGIK PPBN



## RASIONAL PPBN

KBS berhasrat untuk menambah baik inisiatif yang telah dirangka selama ini dan memperbaiki sebarang kelemahan yang telah timbul daripada pelaksanaan pelan pembangunan sebelumnya. KBS juga ingin membawa sukan bola sepak negara ke tahap yang lebih cemerlang melalui pendekatan baharu yang menyeluruh serta mampan.

Pendekatan baharu melalui PPBN yang berpaksikan lima teras strategik ini diharap boleh menyemarakkan pembangunan secara holistik agar lebih ramai akan meminati, menyertai serta cemerlang dalam sukan bola sepak. Dalam hal ini, satu falsafah bola sepak negara atau DNA akan diperkenalkan untuk membentuk golongan muda agar menjadi pemain yang bukan sahaja mempunyai kepakaran teknikal dan taktikal, tetapi juga mempunyai gaya permainan tersendiri yang memberi kelebihan di persaingan serantau. Mereka juga akan dibentuk supaya mempunyai daya ketahanan mental dan fizikal yang tinggi. DNA bola sepak ini akan diguna pakai dan disemai di setiap peringkat latihan PPBN dan menjadi panduan kepada semua pemegang taruh dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam usaha melahirkan pemain bola sepak Malaysia bertaraf dunia.

Tumpuan yang lebih meluas dan mendalam akan diberikan kepada inisiatif pencarian bakat (*talent scouting*) dan pengenalpastian bakat (*talent identification*) yang merupakan kunci kejayaan utama bagi pembangunan bola sepak sesebuah negara. Hasrat PPBN adalah untuk melihat pembangunan saluran bakat yang lebih besar dan mantap.

Kerjasama dan penyelarasian di antara pemegang taruh yang berkaitan juga akan terus diperkuuh dan diperkemaskan lagi. Setiap bidang tugas dan kuasa badan-badan yang berkenaan juga akan digariskan dengan lebih jelas agar tiada tugas yang bertindan. Ini juga penting supaya setiap agensi yang bertanggungjawab dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan.



# FASA PPBN

Dalam sejarah bola sepak moden, terdapat beberapa faktor utama yang menjadi pemangkin kepada kejayaan program pembangunan bolasepak di sebuah negara. Antaranya ialah persekitaran semula jadi sukan (*natural sport surrounding*) yang wujud dalam satu masyarakat yang kemudiannya dioptimumkan melalui program pembangunan bola sepak yang rapi seperti di Amerika Syarikat. Ada juga negara yang telah berjaya mewujudkan satu ekosistem tersusun yang dilaksanakan dengan berkesan seperti di Jepun. Pokok

pangkalnya, pendekatan yang digunakan pakai oleh kuasa-kuasa besar bola sepak di dunia adalah pelan jangka panjang yang memakan masa agak lama untuk membawa hasil.

Menyedari hakikat itu, PPBN yang dirangka ini merupakan satu perancangan jangka panjang yang disasarkan untuk pemain berusia tujuh sehingga 17 tahun yang akan dilaksanakan secara berperingkat seperti di bawah:

2014

## FASA 1 (2014-2020)

**Merupakan fasa awal PPBN yang akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:**

- Memperkenalkan DNA bola sepak negara
- Memperhebatkan penyertaan dan pertandingan untuk pemain dari umur tujuh sehingga 17 tahun
- Menstrukturkan semula pentadbiran dan pengurusan program pembangunan
- Mempertingkatkan penyelaras antara pemegang taruh
- Memperkasakan pembangunan kejurulatihan
- Menyediakan kemudahan asas yang mencukupi di semua peringkat

2030

## FASA 2 (2021-2030)

**Merupakan fasa lanjutan yang akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:**

- Melaksanakan pengauditan dan penilaian program Fasa 1
- Melengkapkan ekosistem pembangunan bola sepak
- Memperkemaskan kemudahan pusat-pusat latihan yang telah ditambah pada Fasa 1
- Membentuk dan mendidik lebih ramai jurulatih di peringkat komuniti, sekolah rendah dan menengah
- Mengaktifkan lebih banyak usaha sama dengan pihak swasta dalam memperkasa pembangunan akademi-akademi di bawah PPBN
- Membuka peluang dan mempromosikan pemain-pemain dan juga jurulatih-jurulatih yang dihasilkan di bawah PPBN ke pasaran profesional
- Mempertingkatkan kemampunan PPBN supaya boleh dijadikan model pembangunan serantau
- Merangka pelan-pelan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sukan khususnya bola sepak melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi

BAHAGIAN

# 03 PENDEKATAN PPBN



# PENYEDIAAN PPBN

Dalam mencari formula terbaik untuk pembangunan sukan bola sepak negara, beberapa langkah telah diambil demi memastikan PPBN yang dihasilkan adalah komprehensif dan efektif. Inisiatif pertama merupakan satu misi mencari fakta yang dilaksanakan atas arahan Menteri Belia dan Sukan untuk mendapat maklum balas, mengenal pasti masalah dan mengatur keutamaan bagi sukan bola sepak.



Pada masa yang sama, Menteri Belia dan Sukan juga telah melantik Lim Teong Kim sebagai Pengarah Program Pembangunan Bola Sepak Negara. Lim merupakan bekas jurulatih pasukan remaja Bayern Munich, salah sebuah kelab terkemuka di dunia. Beliau mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam melatih dan bermain bola sepak di Jerman serta Malaysia. Dalam usaha menyediakan PPBN, Lim telah dipertanggungjawabkan untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran beliau untuk memberi nafas baru dalam inisiatif pembangunan bola sepak negara, dengan mengambil kira perbezaan budaya antara Eropah dan Malaysia.

Pelbagai pandangan serta idea daripada kalangan para pemegang taruh serta penggiat sukan telah dapat dikumpulkan dalam misi mencari fakta ini. Setelah rumusan awal dicapai, satu kertas perbincangan telah

dibentangkan oleh Menteri Belia dan Sukan kepada Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara (JPBN) untuk pertimbangan dan tindakan bersama selanjutnya.

Seterusnya, satu bengkel selama dua hari telah dianjurkan pada bulan Disember 2013, yang dihadiri 120 orang daripada pelbagai latar belakang. Dalam bengkel tersebut, para pemegang taruh, penggiat sukan dan pihak-pihak berkepentingan, termasuk wakil kumpulan penyokong bola sepak telah mengemukakan pelbagai pendapat yang bernas mengenai sukan bola sepak negara. Input-input ini juga telah digunakan untuk memperkuatkannya lagi PPBN. Selain itu, PPBN juga telah dibentang dan diluluskan oleh mesyuarat Jemaah Menteri bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak.

# PELAKSANAAN PPBN DI BAWAH JAWATANKUASA PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NEGARA (JPBN)

PPBN akan dilaksanakan berdasarkan lima teras strategik yang akan dikupas selanjutnya selepas ini. Untuk memastikan Pelan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin, ia akan dipantau oleh JPBN, yang dipengerusikan sendiri oleh Menteri Belia dan Sukan. Ahli-ahli JPBN adalah:



## Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

KBS menerajui usaha membina ekosistem serta struktur pembangunan bola sepak yang menyeluruh dan efektif. KBS juga bertindak sebagai penyelaras utama peranan serta tanggungjawab kesemua pemegang taruh yang berkaitan dengan pembangunan bola sepak. Pelan strategik yang diilhamkan KBS ini digariskan selepas mengambil kira input-input beras daripada pemegang-pemegang taruh yang berkaitan. Bagi memastikan PPBN ini direalisasikan dengan cekap dan berkesan, KBS akan melaksanakan inisiatif pemantauan secara berterusan. Selain itu, KBS akan melaksanakan proses kajian semula secara berkala bagi memastikan intipati PPBN ini terus relevan serta berdasarkan persekitaran dan perkembangan semasa.



## Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Melalui sistem pendidikan sekolah yang sedia ada, KPM membantu dalam menyediakan infrastruktur dan mengasah bakat para pemain bola sepak yang berada di bangku persekolahan. KPM telah mewujudkan 45 Pusat Latihan Daerah (PLD) di bawah program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah di seluruh pelosok negara. Kesemua SSN dan SSM turut mengendalikan program pembangunan bola sepak.



#### **Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)**

FAM adalah badan induk sukan bola sepak negara yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti berkaitan bola sepak dalam negara. Dalam konteks pembangunan, FAM bertanggungjawab terhadap pasukan Harimau Muda yang merupakan skuad pelapis kepada pasukan kebangsaan. FAM juga berperanan melaksanakan kursus-kursus kejurulatihan di pelbagai peringkat.

---



#### **Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN)**

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam aspek sukan berprestasi tinggi, MSN memainkan peranan penting dalam memastikan bakat-bakat sukan bola sepak yang telah dikenal pasti dapat dimajukan ke peringkat yang lebih tinggi. Kini, terdapat lebih daripada 14 pusat MyKids Soccer di seluruh negara di bawah seliaan MSN dengan tumpuan kepada pembangunan bakat yang berumur tujuh sehingga 12 tahun.

---

#### **PENGGIAT SUKAN BOLA SEPAK**

#### **Penggiat Sukan Bola Sepak**

Mereka yang dipilih menganggotai JPBN turut terdiri daripada bekas pemain, jurulatih dan individu yang mempunyai minat serta pengetahuan yang mendalam mengenai sukan bola sepak.

**MEDIA**

**Media**

Wartawan atau penulis sukan yang sentiasa memberi sumbangan pendapat dan idea mengenai bola sepak negara juga dijemput untuk turut serta dalam JPBN.

---

**SEKTOR  
SWASTA**

**Sektor Swasta**

Pihak yang boleh menyumbang dalam aspek kepakaran, kemudahan, penajaan, promosi dan pemasaran serta perkongsian strategik berkaitan sukan bola sepak.



— BAHAGIAN —

# 04 TERAS STRATEGIK PPBN





# **TERAS STRATEGIK 1**

**Membentuk Gaya, Meningkatkan Kualiti  
Dan Membina Kendiri Dengan DNA Bola  
Sepak Negara**



## **TERAS STRATEGIK 2**

Mengenal Pasti Dan Membentuk Wira  
Bola Sepak Negara

## **TERAS STRATEGIK 3**

Menyediakan Kemudahan Yang Menepati  
Piawaian Kepada Semua

## **TERAS STRATEGIK 4**

Meningkatkan Pembangunan Kejurulatihan

## **TERAS STRATEGIK 5**

Mengukuhkan Struktur Pertandingan  
Di Pelbagai Peringkat

# PENGENALAN


Satu kajian yang telah dijalankan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) pada tahun 2010 mendapati negara-negara yang berjaya dalam bola sepak seperti Sepanyol, Belanda dan Jerman mempunyai DNA bola sepak, yang merupakan falsafah dan gaya permainan tersendiri yang jelas. Falsafah ini dilaksanakan di semua peringkat umur di negara-negara tersebut dan ia mempengaruhi perkara-perkara seperti latihan teknikal dan taktikal, suaian fizikal, ciri-ciri psikologi serta organisasi perancangan latihan.

Malaysia sememangnya ketinggalan dalam aspek ini apabila kita tidak mempunyai satu DNA khusus sebagai teras kepada pembangunan bola sepak negara. Pelaksanaan kebanyakan program pembangunan bola sepak selama ini kerap berubah berdasarkan kepada kemahanan jurulatih semasa. Keadaan ini tidak banyak membantu pembentukan pasukan negara yang mantap untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Berdasarkan kepada faktor ini, maka PPBN akan memperkenalkan konsep DNA sebagai kunci kejayaan dan paksi pembangunan bola sepak negara.



# DNA BOLA SEPAK MALAYSIA

DNA bola sepak negara yang dibentuk perlu diterjemahkan dalam bentuk modul yang akan diguna pakai di semua peringkat dalam pelaksanaan program pembangunan bola sepak negara.



# POSISI DAN PROFIL PEMAIN (KHUSUS UNTUK PEMBANGUNAN BAKAT MUDA)

Adalah menjadi objektif di bawah falsafah permainan untuk melatih pemain-pemain yang mempunyai ciri-ciri dan kemahiran tertentu, seperti yang dinyatakan secara ringkas di bawah:



PPBN akan mengadaptasi formasi latihan 4-4-2 dengan *diamond shape midfield* semasa menyerang dan formasi 4-5-1 semasa bertahan. Sistem 4-4-2 ini dipilih bertujuan mencungkil seramai mungkin bakat penyerang melalui PPBN. Penggunaan sistem ini hanya untuk kegunaan latihan bakat di peringkat umur pembangunan iaitu 12 sehingga 17 tahun dan bukannya bertujuan taktikal. Tambahan pula, 4-4-2 adalah satu sistem yang mudah untuk diaplikasi dan sesuai untuk diserapkan kepada bakat muda.



#### **Penjaga Gol**

Tinggi, fleksibel, kekuatan lonjakan, gerak-geri yang berkarisma, arahan membina, penguasaan sepenuhnya di kawasan kotak penalti.



#### **Pertahanan Sayap (Wingbacks)**

Kekuatan semasa situasi satu lawan satu (1v1), teknik yang cekap, kedudukan yang baik semasa bertahan, kepantasan pecutan dan mempunyai daya ketahanan (stamina) yang baik, cekap dalam membuat hantaran silang (*crossing*), bijak mencipta peluang dan berlari ke ruang kosong (*off the ball movement*), daya pemikiran yang tinggi semasa menyerang dan bertahan.



#### **Pertahanan Tengah**

Tinggi, kekuatan di ruang udara, kekuatan semasa pertarungan satu lawan satu (1v1), teknik yang cekap, situasi baik semasa bertahan, sentiasa berkomunikasi dan memberi arahan serta bijak membaca perlawanan.



#### **Pemain Tengah (Pertahanan)**

Bijak membaca perlawanan (semasa bertahan dan menyerang), perancang permainan (*playmaker*), walaupun tugasannya adalah pertahanan, tetapi mampu memberikan bantuan dalam serangan dan pertahanan, kekuatan semasa pertarungan satu lawan satu (1v1).



#### **Pemain Tengah (Sayap Kiri/Sayap Kanan)**

Daya ketahanan yang baik, pantas, mahir, teknik yang cekap, pemikiran berorientasikan pertahanan dan serangan, penyudah yang baik, bijak mencipta peluang serta berlari ke ruang kosong (*off the ball movement*).



#### **Pemain Tengah (Serangan)**

Perancang permainan (*playmaker*), penyudah yang baik, mahir, kebolehan menggelecek yang tinggi, pemikiran berorientasikan pertahanan dan serangan, teknik yang cekap, bijak mencipta peluang dan berlari ke ruang kosong (*off the ball movement*).



#### **Penyerang**

Larian yang pantas dan daya pecutan yang tinggi, teknik yang cekap, kekuatan dalam pertarungan satu lawan satu (1v1) dan di ruang udara, bijak menjaringkan gol, bijak mencipta peluang dan berlari ke ruang kosong (*off the ball movement*).



#### **Penyerang Bebas (Roaming Striker)**

Larian yang pantas dan daya pecutan yang tinggi, teknik yang cekap dan bijak menjaringkan gol, kekuatan dalam pertarungan satu lawan satu (1v1), bijak mencipta peluang dan berlari ke ruang kosong (*off the ball movement*), pemikiran berorientasikan pertahanan dan serangan.

# TAKTIK INDIVIDU, KUMPULAN DAN PASUKAN

Pelatih di bawah program PPBN akan dilatih untuk mempunyai pemahaman yang tinggi mengenai pemainan dan pantas untuk memikirkan serta melaksanakan strategi bagi menguasai permainan. Antara kemahiran yang diterapkan ialah:

## **Peralihan dari bahagian pertahanan kepada serangan**

- 1) Sebaik sahaja pemain dapat menguasai bola, perkara pertama yang perlu difikirkan oleh beliau adalah untuk menembusi hantaran ke ruang yang ada penyerang atau untuk memajukan diri beliau ke ruang pertahanan pihak lawan yang tidak dikawal.
- 2) Jika tidak ada peluang membuat hantaran menembusi ruang, pemain masih boleh terus menguasai bola tersebut (*possession*).
- 3) Dalam latihan pertarungan satu lawan satu (1v1), pemain pertahanan yang berjaya menguasai bola mestilah bertindak aktif dan konstruktif dengan bola tersebut.

## **Peralihan dari bahagian serangan kepada pertahanan**

- 1) Pemain harus berwaspada agar pasukannya tidak diserang balas semasa bergerak ke atas sementara pemain pertahanan bergerak untuk menguasai ruang dan mengawal penyerang pihak lawan.
- 2) Untuk mengelak daripada diserang balas, pastikan pemain pertahanan memberikan perlindungan yang baik antara satu sama lain dan pemain hendaklah boleh menjangka sebarang situasi bahaya yang akan dihadapi sebaik sahaja bola hilang daripada kawalan mereka.
- 3) Sebaik sahaja pemain hilang kawalan bola, pemain terdekat dengan bola tersebut hendaklah membuat keputusan dengan serta-merta. Beliau mempunyai tiga pilihan:
  - a. Memberi tekanan serta-merta kepada pemain lawan yang sedang mengawal bola dan cuba merampas semula bola tersebut.
  - b. Sekiranya pasukan gagal untuk memberikan tekanan terhadap pemain lawan yang sedang menguasai bola, maka pemain yang terdekat dengan pemain lawan itu hendaklah memberi tekanan berterusan bagi membolehkan rakan sepasukannya kembali kepada kedudukan dan mengatur semula posisi.
  - c. Sekiranya tidak ada langsung peluang untuk memberikan tekanan kepada pemain lawan yang sedang menguasai bola tersebut, maka pemain perlu berundur dan kembali kepada kedudukan dan mengatur semula posisi.

# KONSEP PERMAINAN

Enam perkara utama akan diberi tumpuan dan penekanan dalam melatih dan menyediakan setiap pemain sebelum perlawanan.



# PEMBENTUKAN KENDIRI PEMAIN

DNA ini juga penting dalam pembentukan diri pemain bola sepak dari segi kekuatan mental dan nilai. Seorang pemain yang serba boleh mestilah tidak hanya mahir dari segi teknikal dan taktikal semata-mata, tetapi juga perlu menjadi individu yang mempunyai kekuatan rohani dan fizikal, bijaksana dan kreatif, sentiasa membara semangat patriotiknya, berminda kelas pertama, berdisiplin, mempunyai semangat berpasukan yang tinggi, mempunyai

keinginan untuk menang tetapi tidak takut untuk kalah, bercita-cita tinggi tetapi juga rendah diri. Ini bukanlah satu senarai yang komprehensif – memadai dikatakan inilah ciri-ciri minima yang perlu ada pada seorang pemain bola sepak yang mahu menjadi jaguh di peringkat antarabangsa. Inilah juga ciri-ciri yang ingin dibentuk di bawah PPBN dengan penekanan seperti yang di bawah.

## KEMAHIRAN ASAS YANG KUKUH

Landasan yang bermula dari umur tujuh sehingga 17 tahun

## PERSONALITI

Perbezaan dalam personaliti dan karakter seseorang itu akan diambil kira. Setiap pemain berkaitan akan diberi perhatian secara individu agar perwatakan mereka lebih terserlah untuk diterjemahkan kepada permainan yang cemerlang

## PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI

Seorang pemain bola sepak yang baik mestilah juga menjadi seorang warganegara yang terpuji

## KONSEP PERMAINAN DAN LATIHAN YANG JELAS

Semangat berpasukan amat dititikberatkan. Pemain perlu mempunyai hala tuju yang sama dalam mencapai kejayaan

## PEMBANGUNAN PEMAIN

- Proses pembangunan jangka panjang untuk pemain berkaitan
- Penghasilan pemain yang pintar dari segi teknikal, bertanggungjawab dan mempunyai daya pemikiran yang tinggi
- Keperluan terhadap kesedaran taktikal yang tinggi

## PSIKOLOGI

Seseorang pemain mesti mempunyai kekuatan mental untuk mengatasi perasaan rendah diri

## KEKENTALAN MENTAL

- Persediaan mental yang lebih baik bagi mengatasi tekanan
- Fokus sepanjang perlawanan
- Yakin diri ketika dalam keadaan sukar
- Menunjukkan kesungguhan dalam perlawanan

## MENTALITI JUARA

Semangat yang jitu dan kesungguhan untuk menang akan dipupuk. Pemain juga akan diasuh supaya tidak takut kepada kekalahan

# TERAS STRATEGIK 2

Mengenal Pasti Dan Membentuk  
Wira Bola Sepak Negara



## TERAS STRATEGIK 1

Membentuk Gaya, Meningkatkan Kualiti Dan  
Membina Kendiri Dengan DNA Bola Sepak Negara

## TERAS STRATEGIK 3

Menyediakan Kemudahan Yang Menepati  
Piawaian Kepada Semua

## TERAS STRATEGIK 4

Meningkatkan Pembangunan Kejurulatihan

## TERAS STRATEGIK 5

Mengukuhkan Struktur Pertandingan  
Di Pelbagai Peringkat

# PENGENALAN

Sehingga akhir 2013, terdapat 1,680 pemain di MyKids Soccer, 2,775 pemain di Pusat Latihan Daerah (PLD), 800 pemain di Sekolah Sukan Negara (SSN) dan 199 pemain di Sekolah Sukan Malaysia (SSM), menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 5,454 pemain. Jumlah ini ternyata kecil jika dibandingkan dengan populasi pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia yang berjumlah hampir lima juta.

Masalah saluran bakat yang kecil hanya boleh diatasi dengan adanya satu gelombang pembangunan akar umbi yang dimulakan dari ketika pemain di bangku sekolah rendah lagi, agar akhirnya kita mampu untuk mencapai nisbah bilangan pemain kepada populasi yang lebih baik. Perbandingan di bawah menunjukkan jumlah pemain berdaftar dan tidak berdaftar mengikut negara. Jelas jika dibandingkan dengan negara-negara yang mempunyai program akar umbi yang mantap, seperti Sepanyol dan Jerman, peratusan pemain berdaftar mereka adalah jauh lebih tinggi daripada negara kita.

**PERBANDINGAN JUMLAH PEMAIN BERDAFTAR DAN TIDAK BERDAFTAR MENGIKUT NEGARA**

NEGARA	RANKING 2013	PEMAIN BERDAFTAR	%	PEMAIN TIDAK BERDAFTAR	JUMLAH PEMAIN	POPULASI	% PEMAIN/POPULASI	JUMLAH KELAB	
SEPANYOL		1	653,190	23%	2,181,000	2,834,190	46,704,314	6%	18,190
JERMAN		2	6,308,946	39%	10,000,000	16,308,946	80,548,000	20%	26,837
SWITZERLAND		8	232,700	41%	339,000	571,700	8,112,200	7%	1,806
BELGIUM		11	443,383	54%	373,200	816,583	11,180,320	7%	2,058
ENGLAND		13	1,485,910	36%	2,678,200	4,164,110	53,493,700	8%	42,490
JEPUN		47	1,045,150	22%	3,760,000	4,805,150	127,270,000	4%	2,000
REP KOREA		54	31,127	3%	1,063,100	1,094,227	50,219,669	2%	100
CHINA		92	711,235	3%	25,455,100	26,166,335	1,361,990,000	2%	2,221
FILIPINA		127	30,675	2%	1,638,090	1,668,765	98,910,000	2%	85
MYANMAR		130	132,659	12%	989,380	1,122,039	53,259,000	2%	605
DPR KOREA		138	14,912	3%	488,000	502,912	24,895,000	2%	239
HONG KONG		140	4,176	3%	145,780	149,956	7,184,000	2%	84
VIETNAM		144	24,150	1%	1,850,200	1,874,350	90,388,000	2%	35
THAILAND		146	28,600	2%	1,269,400	1,298,000	65,926,261	2%	150
SINGAPURA		150	10,003	5%	187,000	197,003	5,399,200	4%	54
LAOS		152	2,600	2%	106,000	108,600	6,580,800	2%	50
INDIA		154	384,900	2%	20,203,000	20,587,900	1,238,530,000	2%	6,540
MALAYSIA		154	9,930	2%	575,800	585,730	29,948,000	2%	110
INDONESIA		161	66,960	1%	7,027,300	7,094,260	249,866,000	3%	83
TAIWAN		167	12,560	3%	445,900	458,460	23,367,320	2%	60


\*Sumber: Kompilasi data yang diperolehi dari [www.fifa.com](http://www.fifa.com)

## MENGGALAKKAN PENYERTAAN

Secara amnya, sistem pendidikan yang berteraskan akademik dilihat sebagai punca kurangnya penyertaan bakat muda yang menggalakkan dalam sukan bola sepak secara kompetitif. Selain itu, antara maklum balas yang diterima adalah faktor jarak yang jauh di antara pusat latihan dan lokasi kediaman pemain, menyebabkan ramai memilih untuk tidak turut serta dalam program ini. Tambahan pula, terdapat tanggapan di kalangan ibu bapa bahawa sukan bola sepak tidak menjamin masa depan yang cerah untuk membenarkan anak-anak mereka berkecimpung secara serius dalam sukan ini.



### PUSAT LATIHAN SEDIA ADA BAGI PENYERTAAN PEMAIN BOLA SEPAK



Buat masa ini, kebanyakan daripada 14 Pusat Latihan MyKids Soccer (MyKids Soccer) dan 45 PLD adalah terletak di ibu negeri dan bandar-bandar besar. Sehubungan itu, terdapat keperluan yang jelas untuk pusat kecemerlangan di bawah PPBN ditubuhkan di setiap daerah di Malaysia agar tiada kekangan akses bagi bakat muda untuk terus diasuh ke arah mencapai potensi sebenar mereka. Di bawah PPBN, penambahbaikan yang dicadangkan adalah seperti berikut:


#### 1. AKADEMI TUNAS (BAGI TUJUH SEHINGGA 12 TAHUN)

- Di bawah PPBN, MyKids Soccer akan dijenamakan semula sebagai Akademi Tunas.
- Penambahan pusat: Ditambah secara berperingkat daripada jumlah sedia ada sebanyak 14 (satu di setiap negeri) kepada 150 menjelang 2020 (satu di setiap daerah/parlimen).
- Sekurang-kurangnya satu Sekolah Rendah Jenis Kebangaan Cina (SRJKC) dan satu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) di setiap negeri dipilih sebagai Akademi Tunas.

#### KEPERLUAN SESI LATIHAN UNTUK AKADEMI TUNAS



## LONJAKAN PENYERTAAN PEMAIN DI AKADEMI TUNAS PADA TAHUN 2020 (BAGI 7 - 12 TAHUN)



■ MyKids Soccer (14 pusat)

● Cadangan tambahan Akademi Tunas  
di setiap daerah (150 pusat)

**150**

AKADEMI TUNAS DI  
SELURUH NEGARA

$150 \times 150 =$   
**22,500**

PEMAIN LELAKI (7-12 TAHUN)

$20 \times 150 =$   
**3,000**

PEMAIN PEREMPUAN (7-12 TAHUN)

**25,500**

PEMAIN DISASARKAN BAGI AKADEMI TUNAS PADA TAHUN 2020

### 2. PUSAT LATIHAN DAERAH (PLD) (13 SEHINGGA 17 TAHUN)

- a. Penambahan pusat: Ditambah secara berperingkat daripada jumlah sedia ada sebanyak 45 kepada 150 menjelang 2020 (satu di setiap daerah/parlimen)
- b. Sekurang-kurangnya sebuah SJK di setiap negeri dijadikan PLD

#### KEPERLUAN SESI LATIHAN UNTUK PLD



### 3. SEKOLAH SUKAN NEGERI (SSN) (SATU DI SETIAP NEGERI)

SSN akan dikenakan pada jumlah yang sedia ada buat waktu ini, iaitu sebanyak sebuah sekolah di setiap negeri. Program bola sepak untuk pemain perempuan juga akan mula diperkenalkan di SSN secara berperingkat.


### 4. SEKOLAH SUKAN MALAYSIA (SSM)

Buat masa ini, terdapat empat buah SSM yang mempunyai program pembangunan bola sepak, iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil di Bukit Jalil, Kuala Lumpur; Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail di Bandar Penawar, Johor; Sekolah Sukan Malaysia Pahang di Gambang, Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Sabah di Sepanggar, Sabah. Sekolah Sukan Malaysia Terengganu di Gong Badak, Terengganu akan mula beroperasi pada tahun 2016. Program bola sepak untuk pelajar perempuan hanya di Sekolah Sukan Malaysia Sabah. Program bola sepak lelaki pula akan dijalankan di semua SSM yang disebutkan tadi kecuali di Sabah.

### 5. AKADEMI BOLA SEPAK NEGARA MOKHTAR DAHARI (AMD)

AMD dicadangkan sebagai akademi bertaraf lima bintang yang akan menempatkan 500 pemain terbaik lelaki dari umur 13 sehingga 17 tahun dari seluruh negara. AMD juga harus mempunyai kemudahan-kemudahan setaraf dengan sekolah berasrama penuh bagi menampung program pembelajaran setempat untuk semua pemain-pemain tersebut.

# LONJAKAN PENYERTAAN PEMAIN 13 – 17 TAHUN PADA TAHUN 2020



**500**

PEMAIN LELAKI  
DI AMD

**600**

PEMAIN LELAKI  
DI SSM

**1,400**

PEMAIN LELAKI  
DI SSN

**22,500**

PEMAIN DI PLD

**125**

PEMAIN PEREMPUAN  
DI SSM

**500**

PEMAIN PEREMPUAN  
DI SSN



**25,000**

JUMLAH PEMAIN LELAKI



**625**

JUMLAH PEMAIN PEREMPUAN

## LONJAKAN FASA PERTAMA: PENAMBAHAN PENYERTAAN PEMAIN DI BAWAH PPBN

TAHUN  
**2013**  
**5,454**  
JUMLAH PEMAIN



TAHUN  
**2020**  
**51,125**  
JUMLAH PEMAIN

 **5,436**  
PEMAIN LELAKI  
(7 - 17 TAHUN)

 **47,500**  
PEMAIN LELAKI  
(7 - 17 TAHUN)

 **18**  
PEMAIN PEREMPUAN  
(7 - 17 TAHUN)


 **3,625**  
PEMAIN PEREMPUAN  
(7 - 17 TAHUN)

# JADUAL PENAMBAHAN PEMAIN DAN PUSAT LATIHAN DI BAWAH PPBN (2013-2020)



JUMLAH PEMAIN

TAHUN 2020  
51,125  
pemain di  
pusat latihan



JUMLAH PUSAT LATIHAN

TAHUN 2020  
320  
pusat  
latihan

# SISTEM SARINGAN DAN PENCARIAN BAKAT YANG LEBIH TERBUKA, BERTERUSAN DAN EFEKTIF

Ketika ini juga, maklum balas yang diterima menandakan timbulnya isu apabila proses pemilihan pemain dikatakan tidak mempunyai struktur yang jelas, dengan ketelusan pemilihan dan ketirisan bakat pemain menjadi salah satu isu pokok. Perkara ini timbul apabila kriteria pemilihan tidak seragam. Ada kalanya juga, terdapat jurulatih yang tidak mahu melepaskan pemain pergi ke peringkat yang lebih jauh dan cukup sekadar mewakili sekolah atau kelab-kelab tertentu.

PPBN akan menambah baik dan mewujudkan satu struktur bebas, terbuka, telus dan lebih sistematik dalam pemilihan pemain ke dalam pusat-pusat latihan di bawah program Akademi Tunas, Pusat Latihan Daerah (PLD), Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD).

## 1. Pemilihan Terbuka

- Di bawah PPBN, pengambilan akan dibuat menerusi pemilihan secara terbuka dan melalui pertandingan di semua Akademi Tunas dan PLD pada setiap tahun. Kriteria pemilihan yang seragam akan diguna pakai. Pada masa yang sama, maklum balas daripada jurulatih dan juga pasukan pencari bakat akan diambil kira dalam pemilihan pemain untuk ditempatkan di pusat-pusat latihan berkenaan.
- Penilaian berkala akan dilaksanakan untuk memutuskan sama ada pemain akan terus dikekalkan, atau dipindahkan ke program latihan lebih tinggi, mahupun digugurkan terus daripada program. Konsep ini bermakna kemasukan ke saluran PPBN tidak menjanjikan pemain akan terus berada di situ sekiranya prestasi mereka menurun.
- Peluang untuk memasuki saluran PPBN ini masih lagi terbuka di setiap peringkat umur pemain muda, asalkan mereka menunjukkan prestasi yang cemerlang untuk melayakkkan mereka dipilih. Dengan ini, bakat *late bloomer* masih boleh dipilih dan digilap di pusat-pusat latihan tertentu. Contohnya remaja yang tidak terpilih ke AMD pada usia 13 tahun masih boleh dipilih pada usia 15 tahun sekiranya beliau menunjukkan prestasi cemerlang setanding dengan mereka yang sedia ada di Akademi tersebut.

## 2. Penubuhan pasukan pencarian bakat (*talent scouting*)

PPBN akan mewujudkan pasukan pencarian bakat di pelbagai peringkat iaitu kebangsaan, negeri, daerah dan komuniti. Pasukan ini akan bergerak sepenuh masa secara bebas dalam membuat pengenalpastian bakat berdasarkan prestasi dan potensi bagi mengelakkan sebarang unsur ketidakadilan. Khidmat pihak-pihak tertentu seperti bekas pemain kebangsaan boleh digunakan untuk tujuan ini. Pemain-pemain yang dipilih melalui proses pencarian bakat akan melalui ujian *Talent ID* bagi memastikan mereka mempunyai bakat dan potensi untuk maju dalam sukan bola sepak.



**3. Jaringan bakat yang lebih luas**

PPBN akan melebarkan proses pemilihan untuk merangkumi warganegara Malaysia yang berada di luar negara untuk memastikan bakat mereka boleh digilap dalam negara kita sendiri. Selagi bakat-bakat ini rakyat Malaysia, mereka mempunyai hak dan layak untuk dinilai dan diserap ke program PPBN.

**4. Penilaian melalui panel**

Pemilihan para pemain ke pusat-pusat latihan berikut mestilah dinilai oleh satu panel yang terdiri daripada:-

PUSAT LATIHAN	AHLI PANEL PEMILIHAN
<b>AKADEMI BOLA SEPAK NEGARA MOKHTAR DAHARI (AMD)</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengarah Projek PPBN</li><li>2. Ketua Jurulatih AMD</li><li>3. Ketua Jurulatih Penjaga Gol AMD</li><li>4. <i>Coach Educator</i> PPBN</li><li>5. Ketua Unit Pencari Bakat PPBN</li><li>6. Wakil FAM</li><li>7. Wakil KPM</li></ol>
<b>SEKOLAH SUKAN MALAYSIA (SSM)</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengarah Projek PPBN</li><li>2. Ketua Jurulatih SSM</li><li>3. Ketua Jurulatih Penjaga Gol SSM</li><li>4. <i>Coach Educator</i> PPBN</li><li>5. Ketua Pasukan Pencari Bakat (Ketua Unit Bola Sepak)</li><li>6. Wakil FAM</li><li>7. Wakil KPM</li></ol>
<b>SEKOLAH SUKAN NEGERI (SSN)</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ketua Jurulatih SSN tersebut</li><li>2. Ketua Jurulatih Penjaga Gol SSN Tersebut (Unit Bola Sepak)</li><li>3. Ketua Unit Sukan Bola Sepak Negeri Tersebut</li><li>4. <i>Coach Educator</i> PPBN</li><li>5. Wakil FAM</li><li>6. Wakil KPM</li></ol>

## BOLA SEPAK PEREMPUAN

Kecenderungan pemain remaja perempuan dikatakan lebih terserlah dalam sukan futsal. Ini sememangnya tidak menghairankan apabila mengambil kira faktor budaya dan kurangnya promosi sukan bola sepak kepada pelajar perempuan. PPBN bercadang untuk mengubah senario ini dengan menggalakkan penyertaan pelajar perempuan melalui program pembangunan dan kejohanan yang dirancang khusus untuk mereka.

Bagi mencapai matlamat ini, PPBN bercadang untuk memulakan program pembangunan bagi pemain perempuan bermula di Akademi Tunas bagi umur tujuh sehingga 12 tahun. Selepas umur 12 tahun, pemain akan dipilih untuk ditempatkan di lima buah SSN dan pelatih-pelatih terbaik akan ditempatkan di SSM Sabah.



# PROMOSI UNTUK MENGGALAKKAN PENYERTAAN DI PERINGKAT KOMUNITI

Di bawah PPBN, minat dan penyertaan kanak-kanak berumur tujuh sehingga 12 tahun di peringkat akar umbi akan disemarakkan lagi melalui program bola sepak komuniti dan sekolah. Di samping itu, hebahan kepada ibu bapa, guru-guru, komuniti dan pihak-pihak yang berkenaan juga akan ditingkatkan. Antara program yang akan dilaksanakan di bawah PPBN adalah:

## 1. Portal Rasmi PPBN

Satu portal yang menyediakan maklumat lengkap seperti lokasi pusat latihan, jurulatih bertauliah, kelab yang berdekatan dan status pelaksanaan inisiatif di bawah PPBN akan diwujudkan dan dikemas kini oleh Urusetia PPBN. Di samping itu, ia juga berperanan sebagai pusat pangkalan data mengenai pelbagai perkara seperti statistik pemain dan juga jurulatih. Portal ini juga bakal menjadi rujukan utama bagi pencari bakat, di mana pemain bola sepak akan diberi kedudukan (*ranking*) mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Urusetia PPBN. Ia juga akan menjadi satu platform bagi peminat bola sepak untuk berinteraksi dengan Urusetia PPBN bagi menyuarakan pendapat mengenai sukan bola sepak melalui forum yang disediakan. Pada masa yang sama, kelab bola sepak di Malaysia atau mana-mana pihak yang berminat boleh memuat turun perkara seperti modul latihan dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan pembangunan bola sepak.

### 2. Pek Permulaan PPBN

Program ini adalah salah satu daripada program komuniti yang dianjurkan dengan usaha sama pihak swasta dan kerajaan bertujuan menggalakkan pertumbuhan serta pertambahan program komuniti bola sepak di seluruh negara. Di bawah inisiatif ini, kumpulan-kumpulan masyarakat terutamanya mereka yang kurang berkemampuan akan dapat memulakan klinik-klinik bola sepak dan melibatkan kanak-kanak berumur tujuh sehingga 12 tahun di persekitaran masing-masing dengan memanfaatkan Pek Permulaan PPBN. Pek ini mengandungi peralatan asas untuk jurulatih dan pemain-pemain yang didaftarkan.


### TERBUKA KEPADA SEMUA WARGA MALAYSIA BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS



### 3. Promosi PPBN

Hebahan atau promosi mengenai pelan ini perlu dilaksanakan untuk memaklumkan kepada orang ramai tentang peluang, penambahbaikan dan menggalakkan penyertaan dalam program PPBN. Urusetia PPBN akan menganjurkan program dan aktiviti untuk memberi penerangan melalui platform dan cara yang paling berkesan bagi mencapai kumpulan sasaran seperti ibu bapa, guru-guru, pemimpin komuniti serta pihak berkepentingan yang lain.







## **TERAS STRATEGIK 1**

Membentuk Gaya, Meningkatkan Kualiti Dan  
Membina Kendiri Dengan DNA Bola Sepak Negara

## **TERAS STRATEGIK 2**

Mengenal Pasti Dan Membentuk Wira  
Bola Sepak Negara

# **TERAS STRATEGIK 3**

**Menyediakan Kemudahan Yang  
Menepati Piawaian Kepada Semua**

## **TERAS STRATEGIK 4**

Meningkatkan Pembangunan Kejurulatihan

## **TERAS STRATEGIK 5**

Mengukuhkan Struktur Pertandingan  
Di Pelbagai Peringkat

# PENGENALAN

Seiring dengan peningkatan bilangan pemain yang dijangkakan di bawah PPBN, keperluan menyediakan kemudahan yang memenuhi piawaian (*standard*) bola sepak adalah amat penting. Oleh itu, di bawah PPBN, adalah menjadi hasrat KBS dengan kerjasama KPM dan pemegang taruh yang lain untuk membangunkan kemudahan yang lengkap, di mana piawaian perlu dirujuk dan diputuskan oleh Urusetia PPBN. Ini juga relevan dalam penyediaan kemudahan paling asas seperti padang bola sepak, yang antara lainnya mesti sesuai dengan iklim di Malaysia agar penyelenggaraan menjadi lebih praktikal dan tidak lagi menjadi isu.




PPBN juga mengesyorkan agar lebih banyak padang rumput tiruan (sintetik) dibina bagi kegunaan bola sepak di peringkat komuniti, selain memberi penekanan terhadap aspek ilmu penyelenggaraan padang di kalangan para *groundsmen* termasuk memperkenalkan piawaian kelayakan bagi bidang tugas ini.

Selain itu, keperluan peruntukan khas bagi penyelenggaraan kemudahan perlu disediakan melalui pelbagai cara. Antara lain, jalinan kerjasama dengan pihak swasta perlu dipertimbangkan sebagai saluran peruntukan alternatif bagi membiayai penyelenggaraan padang. Ini adalah untuk memastikan kemudahan bola sepak di peringkat komuniti yang disediakan boleh memberikan hasil seoptimum yang mungkin.

Di bawah PPBN, penambahbaikan utama yang akan dilaksanakan adalah untuk meningkatkan bilangan kemudahan Akademi Tunas dan Pusat Latihan Daerah (PLD) secara berperingkat, masing-masing kepada 150 buah menjelang tahun 2020. Pada masa ini, lokasi Akademi Tunas adalah di sekolah-sekolah rendah yang terpilih, manakala lokasi PLD adalah di sekolah-sekolah menengah yang terpilih. Bagaimanapun, melangkah ke hadapan, lokasi pusat-pusat latihan baharu di bawah PPBN tidak lagi terhad kepada sekolah-sekolah, malah akan dilaksanakan di lokasi yang mempunyai kemudahan atau padang yang sesuai. Sebagai contoh, PPBN juga mencadangkan agar padang awam sedia ada yang sesuai di bawah Pihak Berkuasa Tempatan turut diguna pakai sebagai pusat latihan bola sepak.

## PENAMBAHAN BILANGAN PUSAT LATIHAN



## SPESIFIKASI SERTA KEPERLUAN KEMUDAHAN UTAMA DI BAWAH PPBN

### 1. AKADEMI TUNAS – BAGI TUJUH SEHINGGA 12 TAHUN

Keperluan minimum infrastruktur di Akademi Tunas:

- Kawasan padang bersaiz minimum 82 meter panjang x 50 meter lebar (spesifikasi mesti dirujuk melalui Urusetia PPBN)
- Diselenggara oleh seorang *groundsman* sepenuh masa
- Kelengkapan bola sepak yang mencukupi untuk melatih 150 pemain lelaki dan 20 pemain perempuan (kon, bib, bola, tiang gol dan sebagainya harus dirujuk spesifikasinya melalui Urusetia PPBN)

### 2. PUSAT LATIHAN DAERAH (PLD) – BAGI 13 SEHINGGA 17 TAHUN

Keperluan minimum infrastruktur di PLD :

- Kawasan padang bersaiz minimum 91 meter panjang x 55 meter lebar (spesifikasi mesti dirujuk melalui Urusetia PPBN)
- Diselenggara oleh seorang *groundsman* sepenuh masa
- Kelengkapan bola sepak yang mencukupi untuk melatih 150 pemain lelaki (kon, bib, bola, tiang gol dan sebagainya harus dirujuk spesifikasinya melalui Urusetia PPBN)
- Keperluan bilik audio visual (bilik alat pandang dan dengar juga boleh digunakan) untuk tujuan sesi teori dan perbincangan taktikal

**3. SEKOLAH SUKAN NEGERI (SSN) (SATU DI SETIAP NEGERI)**

Perlu dinaik taraf kepada spesifikasi kemudahan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) sekarang:

- a. Memiliki padang atau akses kepada padang dengan saiz minimum 100 meter panjang x 64 meter lebar (spesifikasi mesti dirujuk melalui Persatuan Bola Sepak Negeri (PBN) dan Urusetia PPBN) yang diselenggara oleh seorang *groundsman* sepenuh masa
- b. Kemudahan lampu limpah
- c. Asrama yang dapat menampung sekurang-kurangnya 100 pemain bola sepak
- d. Bilik persalinan
- e. Bilik sains sukan
- f. Bilik IT

**4. SSM DI BUKIT JALIL, BANDAR PENAWAR, GAMBANG, SEPANGGAR DAN GONG BADAK**

Kemudahan minimum infrastruktur bagi sebuah SSM ialah:

- a. Memiliki padang atau akses kepada empat padang dengan saiz minimum 100 meter panjang x 64 meter lebar (spesifikasi mesti dirujuk melalui PBN dan Urusetia PPBN) yang diselenggara oleh seorang *groundsman* sepenuh masa
- b. Kemudahan lampu limpah
- c. Asrama yang dapat menampung sekurang-kurangnya 100 sehingga 150 pemain bola sepak
- d. Bilik persalinan
- e. Bilik sains sukan
- f. Bilik IT

**5. AKADEMI BOLA SEPAK NEGARA MOKHTAR DAHARI (AMD)**

AMD merupakan kemuncak kepada landasan pembangunan bola sepak bagi bakat muda di bawah PPBN, di mana ianya akan menempatkan 500 pemain terbaik lelaki dari umur 13 sehingga 17 tahun dari seluruh negara. Selaras dengan ini, AMD akan dibangunkan sebagai akademi bertaraf lima bintang yang akan mempunyai kemudahan serta kelengkapan yang mencukupi serta terkini. AMD juga harus mempunyai kemudahan yang setaraf dengan sekolah berasrama penuh bagi menampung program pembelajaran setempat untuk semua pemain-pemain tersebut.

Kemudahan-kemudahan asas yang perlukan di AMD:


- |   |                                    |
|---|------------------------------------|
| a. Kompleks akademik bagi menampung 500 pelajar                                 | j. Gimnasium                       |
| b. Kompleks asrama bagi menampung 500 pelajar                                   | k. Bilik rehat pemain              |
| c. Dewan makan  | l. Bilik perubatan dan fisioterapi |
| d. Pusat sains sukan dan multimedia   | m. Bilik persalinan                |
| e. Stadium mini dengan lampu limpah   | n. Spa dan sauna                   |
| f. Kompleks pejabat pentadbiran/jurulatih                                       | o. Kafeteria                       |
| g. Minimum sembilan padang rumput, berukuran 100 meter panjang X 64 meter lebar | p. Pusat media, Bilik IT           |
| h. Satu padang sintetik , berukuran 100 meter panjang X 64 meter lebar          | q. Galeri bola sepak negara        |
| i. Satu padang rumput tiruan tertutup (sintetik)                                | r. Pusat informasi                 |

## JUMLAH PUSAT LATIHAN MENGIKUT KATEGORI UMUR (2013-2020)



TAHUN 2020

**320**  
pusat  
latihan



# TERAS STRATEGIK 4

Meningkatkan Pembangunan Kejurulatihan



## TERAS STRATEGIK 1

Membentuk Gaya, Meningkatkan Kualiti Dan  
Membina Kendiri Dengan DNA Bola Sepak Negara

## TERAS STRATEGIK 2

Mengenal Pasti Dan Membentuk Wira  
Bola Sepak Negara

## TERAS STRATEGIK 3

Menyediakan Kemudahan Yang Menepati  
Piawaian Kepada Semua

## TERAS STRATEGIK 5

Mengukuhkan Struktur Pertandingan  
Di Pelbagai Peringkat


# PENGENALAN

**Jurulatih memainkan peranan yang amat penting dalam sebarang program pembangunan bola sepak. Bak kata pepatah – melentur buluh biarlah dari rebung – segala tunjuk ajar jurulatih pada pemain muda yang baru berjinak-jinak dengan sukan bola sepak akan meninggalkan kesan yang amat mendalam dan berpanjangan kepada bakat muda.**


Sehubungan itu, adalah amat penting bagi aspek kejurulatihan diberikan perhatian yang serius di bawah PPBN. Beberapa masalah telah dibangkitkan sebelum ini, antaranya isu jurulatih tidak bertauliah dan kurang pengetahuan teknikal atau strategi yang baik. Bebanan tugas jurulatih yang berat dan sikap pilih kasih juga telah dinyatakan sebagai halangan dalam perkara ini. Selain itu, terdapat juga jurulatih yang bertauliah tetapi tidak berkemahiran untuk mengendalikan latihan di peringkat akar umbi.

Pada akhir tahun 2013, terdapat 387 jurulatih sepenuh dan separuh masa, termasuk yang tidak berlesen. Seajar dengan keperluan yang akan meningkat di bawah PPBN, keperluan bilangan jurulatih juga akan bertambah dan perlu dipenuhi dengan sewajarnya.

Di bawah PPBN, pendidikan jurulatih yang berterusan amat dititikberatkan di mana jurulatih perlu didedahkan kepada aspek latihan terkini yang sentiasa berubah. PPBN juga akan merangka satu skim yang dapat menarik minat lebih ramai penggiat bola sepak untuk menceburi bidang kejurulatihan di semua peringkat bagi memastikan keperluan jurulatih untuk semua pusat latihan yang dirancang termasuklah di AMD akan dapat dipenuhi menjelang tahun 2020.




# KEPERLUAN JURULATIH SEPENUH MASA MENURUT TAHUN



TAHUN 2020  
**383**  
jurulatih  
sepenuh masa


# KEPERLUAN JURULATIH SEPARUH MASA MENURUT TAHUN



TAHUN 2020  
**2,089**  
jurulatih  
separuh masa

# JURULATIH BERTAULIAH UNTUK BAKAT MUDA

PPBN memerlukan seramai 2,472 jurulatih bertauliah yang menepati syarat untuk melatih seramai 51,125 pemain muda menjelang 2020. Mereka akan dilatih tentang perihal pendidikan dan perkembangan pemain, seperti yang dinyatakan dalam gambar rajah di bawah:



Selain itu, jurulatih juga akan diajar untuk mahir dalam hal-hal pengurusan seperti yang dinyatakan dalam gambar rajah disebelah:

# PROGRAM PEMBANGUNAN JURULATIH

Di bawah PPBN, beberapa program pembangunan jurulatih akan dilaksanakan:

## PENDIDIKAN SEMULA (RE-EDUCATION)

Kaedah melatih pemain muda dalam konteks pembangunan adalah berbeza dengan melatih pemain dewasa. Pendidikan ini perlu merangkumi perkara seperti mengambil masa untuk memberi penerangan kepada pemain, cara berkomunikasi dengan ibu bapa sehingga kepada pengetahuan sains sukan. Latihan khusus kepada jurulatih juga perlu dilaksanakan secara berkala dan berterusan. Bengkel dan simposium kejurulatihan perlu diadakan dari semasa ke semasa agar ilmu kejurulatihan sentiasa dikemas kini dan teknik pengajaran dapat dikuasai.

## PENILAIAN BERKALA DAN PERSIJILAN

Adalah dicadangkan supaya keperluan minima untuk menjadi jurulatih di pusat latihan adalah Lesen C dari FAM atau Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) ataupun yang setaraf dengannya. Sijil *Safety for Children* dan lain-lain lagi yang boleh meningkatkan mutu juga perlu diperkenalkan. Di samping itu, semua jurulatih yang berlesen atau bertauliah diwajibkan untuk mengikuti kursus yang dikendalikan oleh *Coach Educator* sebelum diklasifikasikan layak menjadi jurulatih program PPBN. Prestasi jurulatih akan dinilai selepas tempoh dua tahun dan laporan tersebut akan dihantar kepada FAM untuk penentuan kualiti. PPBN juga akan memudah cara peningkatan proses pentaulahan lesen jurulatih ke tahap lebih tinggi.

## PENYELARASAN PROGRAM KEJURULATIHAN

Tiga pemegang taruh utama iaitu KBS, KPM dan FAM perlu mempertingkatkan lagi kerjasama sedia ada untuk mengatasi sebarang isu yang berbangkit, terutamanya di peringkat dasar.

## MENARIK MINAT JURULATIH DAN PENINGKATAN DIRI

Dengan pertambahan jurulatih serta pusat latihan, lebih ramai yang bakal diberi peluang untuk menimba pengalaman dalam bidang kejurulatihan. Asas kejurulatihan dan pengalaman kukuh yang diperolehi dalam program ini seharusnya mampu membantu para jurulatih untuk terus mara ke era profesional. Promosi yang lebih hebat juga diperlukan untuk menarik lebih ramai jurulatih wanita serta mereka yang berada di luar landasan program PPBN.

## PENDEDAHAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Di bawah PPBN, jurulatih tempatan yang menunjukkan komitmen tinggi dan prestasi memberangsangkan akan diberi peluang untuk menimba ilmu daripada jurulatih antarabangsa yang mempunyai pengalaman dalam program pembangunan yang terbukti berjaya. Ini akan dilaksanakan melalui jalinan kerjasama yang akan dipupuk dengan pihak-pihak tertentu seperti kelab antarabangsa.



# PENGGUNAAN KEMUDAHAN PORTAL UNTUK KEJURULATIHAN

**Pendidikan Kejurulatihan:** Portal PPBN juga akan menerbitkan bahan pendidikan kejurulatihan secara online yang boleh diakses dan dimuat turun oleh jurulatih-jurulatih di bawah program PPBN.

**Sistem Laporan:** Portal ini juga akan memperkenalkan sistem pelaporan secara *online* yang akan digunakan oleh semua jurulatih dalam menyedia dan mengemukakan laporan mereka.







## **TERAS STRATEGIK 1**

Membentuk Gaya, Meningkatkan Kualiti Dan  
Membina Kendiri Dengan DNA Bola Sepak Negara

## **TERAS STRATEGIK 2**

Pencarian Dan Pembentukan Wira  
Bola Sepak Negara

## **TERAS STRATEGIK 3**

Meluaskan Akses Kemudahan Yang Menepati  
Piawaian Kepada Semua

## **TERAS STRATEGIK 4**

Meningkatkan Pembangunan Kejurulatihan

# **TERAS STRATEGIK 5**

**Mengukuhkan Struktur Pertandingan  
Di Pelbagai Peringkat**

# PENGENALAN

Pertandingan merupakan satu aspek penting dalam program pembangunan atlet kerana ia memberi pendedahan kompetitif kepada atlet-atlet yang terlibat. Melihat kepada keperluan pertandingan peringkat umur di antara tujuh sehingga sembilan tahun, penekanan harus diberikan kepada pertandingan yang berkonsepkan *fun games* di mana aspek kompetitif tidak diutamakan, sebaliknya tumpuan diberi kepada usaha membentuk kemahiran individu menerusi beberapa pendekatan seperti pengecilan saiz padang permainan, pengurangan bilangan pemain, pemendekan tempoh masa perlawanan dan peningkatan jumlah perlawanan di dalam pertandingan. PPBN menggalakkan agar konsep yang sama diguna pakai di sekolah-sekolah dan program komuniti di seluruh negara. Ini adalah kerana konsep ini memberi peluang kepada pemain peringkat akar umbi untuk lebih banyak menyentuh bola yang sekaligus mempertingkatkan keyakinan diri, kebolehan dan minat mereka terhadap sukan ini.

Konsep pertandingan *small-sided* bercirikan format karnival yang diadakan dengan kerap sesuai dilaksanakan pada peringkat umur ini agar pemain kanak-kanak tidak terlalu dibelenggu dengan intensiti bola sepak yang tinggi.

Bagi peringkat umur 10 sehingga 17 tahun pula, pertandingan bercirikan liga mingguan dilaksanakan bagi tempoh yang panjang selama antara enam sehingga lapan bulan setahun. Ini akan membolehkan para pemain mendapatkan pendedahan melalui 25 sehingga 40 perlawanan kompetitif setiap tahun.

## KRITERIA PERTANDINGAN MENURUT PERINGKAT UMUR

		
7 – 9 TAHUN	10 – 12 TAHUN	13 – 17 TAHUN
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Small sided</i> (cadangan 5-sebelah)</li> <li>2. Padang berukuran 37 meter panjang x 27 meter lebar</li> <li>3. Bola perlawanan saiz 3</li> <li>4. Pertandingan berkonsep format karnival</li> <li>5. Peluang bermain untuk semua</li> <li>6. Kemenangan bukan keutamaan</li> <li>7. Pasukan campuran lelaki dan perempuan dibenarkan</li> <li>8. 25-30 perlawanan setahun bagi setiap pelatih</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peralihan format <i>small sided</i> kepada 11-sebelah</li> <li>2. Padang berukuran 55 meter panjang x 37 meter lebar (bagi umur 10 tahun) dan 73 meter panjang x 46 meter lebar (bagi umur 11 atau 12 tahun)</li> <li>3. Bola perlawanan saiz 4</li> <li>4. Pertandingan berkonsep liga mingguan</li> <li>5. Lebih kompetitif</li> <li>6. 25-30 perlawanan setahun bagi setiap pelatih</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertandingan 11-sebelah</li> <li>2. Liga peringkat Kebangsaan</li> <li>3. Liga peringkat Negeri dan Zon atau Komuniti</li> <li>4. Insentif kepada pasukan yang berjaya</li> <li>5. Insentif kepada para pemain yang menunjukkan prestasi cemerlang</li> <li>6. Sekurang-kurangnya 30-40 perlawanan setahun bagi setiap pelatih</li> </ol>

# STRUKTUR KEJOHANAN SEDIA ADA

## 1. KEJOHANAN BOLA SEPAK MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA (MSSM) B-12

Merupakan kejohanan karnival peringkat kebangsaan melibatkan pelajar di bawah umur 12 tahun dari semua negeri dalam Malaysia. Pertandingan ini bermula di negeri masing-masing, daripada peringkat antara sekolah yang kemudiannya ke peringkat antara zon atau daerah, dan berkesudahan di kejohanan ini yang merupakan peringkat antara negeri. Kejohanan ini dikelolakan oleh KPM.

## 2. LIGA BOLA SEPAK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) PIALA MENTERI PENDIDIKAN B-14

Liga kebangsaan yang melibatkan kesemua Sekolah Sukan Negeri. Buat masa ini, 14 Sekolah Sukan Negeri bersaing dalam kejohanan ini, dengan jemputan khas penyertaan skuad-skuad tertentu daripada Sekolah-Sekolah Sukan Malaysia. Liga ini dikelolakan oleh KPM dan berlangsung selama enam sehingga lapan bulan.

## 3. KEJOHANAN BOLA SEPAK MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA (MSSM) B-15

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini melibatkan pelajar di bawah umur 15 tahun dari semua negeri dalam Malaysia. Pertandingan ini bermula di negeri masing-masing, iaitu daripada peringkat antara sekolah kepada peringkat antara zon atau daerah, dan berkesudahan di kejohanan ini yang merupakan peringkat antara negeri. Kejohanan ini dikelolakan oleh KPM.

## 4. LIGA BOLA SEPAK PIALA REMAJA KPM/FAM B-17

Liga kebangsaan ini melibatkan kesemua Sekolah Sukan Negeri. Buat masa ini, sebanyak 14 Sekolah Sukan Negeri bersaing dalam kejohanan ini, dengan jemputan khas penyertaan skuad-skuad tertentu daripada Sekolah-Sekolah Sukan Malaysia. Liga ini dikelolakan oleh KPM dan berlangsung selama enam sehingga lapan bulan.

## 5. KEJOHANAN BOLA SEPAK JUARA SEKOLAH B-17

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini melibatkan sekolah-sekolah yang merupakan pasukan terbaik dari negeri masing-masing. Kejohanan ini dikelolakan oleh KPM.

## 6. KEJOHANAN BOLA SEPAK MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA (MSSM) B-18

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini melibatkan pelajar di bawah umur 18 tahun dari semua negeri dalam Malaysia. Pertandingan ini bermula di negeri masing-masing, daripada peringkat antara sekolah ke peringkat antara zon atau daerah, dan berkesudahan di kejohanan ini yang merupakan peringkat antara negeri. Kejohanan ini dikelolakan oleh KPM.

## 7. KEJOHANAN BOLA SEPAK SEKOLAH PREMIER B-18

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini diadakan untuk sekolah-sekolah yang dinobatkan status Sekolah Premier iaitu sekolah-sekolah yang ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua. Pertandingan ini bermula di negeri masing-masing, daripada peringkat antara sekolah ke peringkat zon gabungan negeri, dan berkesudahan di kejohanan kebangsaan yang merupakan peringkat antara pemenang zon gabungan negeri. Kejohanan ini dikelolakan oleh KPM.

**8. LAIN-LAIN KEJOHANAN****a. PROGRAM PENCARIAN BAKAT BOLA SEPAK B-11**

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini melibatkan pelajar di bawah umur 11 tahun dari semua negeri dalam Malaysia. Penganjuran adalah secara *ad-hoc* berdasarkan keperluan. Program ini dikelolakan oleh KPM.

**b. CHAMPION OF CHAMPIONS B-12**

Kejohanan karnival jemputan khas ini melibatkan pasukan-pasukan tertentu dari Program MyKids Soccer serta jemputan antarabangsa dan jemputan untuk kelab-kelab komuniti tempatan. Penganjuran adalah secara *ad-hoc* berdasarkan keperluan. Dikelolakan oleh KBS (MSN).

**c. KEJOHANAN BOLA SEPAK SEKOLAH MURID ORANG ASLI B-12**

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini diadakan untuk sekolah murid Orang Asli (yang mempunyai 100% murid Orang Asli sahaja) dari Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu. Pertandingan ini bermula di negeri masing-masing dan kemudiannya berkesudahan di kejohanan kebangsaan yang merupakan peringkat antara negeri. Kejohanan ini dikelolakan oleh KPM.

**d. KEJOHANAN MYKIDS SOCCER B-10, B-11 dan B-12**

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini melibatkan pasukan MyKids Soccer setiap negeri. Diadakan pada setiap enam sehingga 12 bulan, tertakluk kepada keperluan. Kejohanan ini dikelolakan oleh KBS (MSN) dan KPM.

**e. KEJOHANAN PUSAT LATIHAN DAERAH (PLD) PERINGKAT KEBANGSAAN B-14**

Kejohanan karnival peringkat kebangsaan ini melibatkan PLD dan bermula di peringkat zon gabungan negeri kemudian ke peringkat kebangsaan. Kejohanan ini dikelolakan oleh KPM.

**f. ASIAN SCHOOLS FOOTBALL CHAMPIONSHIP B-15**

Kejohanan karnival peringkat benua Asia ini melibatkan negara-negara yang bernaung di bawah Persatuan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Asia. Kesemua negara yang menyertai kejohanan ini diwakili oleh pasukan B-15 dan berentap bermula di peringkat kumpulan sehingga ke perlawanan akhir. Kejohanan ini dikelolakan oleh Persatuan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Asia.

**g. ASIAN SCHOOLS FOOTBALL CHAMPIONSHIP B-18**

Kejohanan karnival peringkat benua Asia ini melibatkan negara-negara yang bernaung di bawah Persatuan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Asia. Kesemua negara yang menyertai kejohanan ini diwakili oleh pasukan B-18 dan berentap bermula di peringkat kumpulan sehingga ke perlawanan akhir. Kejohanan ini dikelolakan oleh Persatuan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Asia.

# MENAMBAH BAIK DAN MEMPELBAGAIKAN STRUKTUR PERTANDINGAN DI BAWAH PPBN

Sejajar dengan penambahan bakat baru yang dilatih dalam saluran PPBN, lebih banyak lagi kejohanan perlu dianjurkan untuk mengasah bakat individu yang berpotensi. Daripada maklum balas yang telah diterima, kejohanan – kejohanan sebelum ini lebih tertumpu kepada konsep karnival, di mana keberkesanannya terbatas dalam membangunkan pemain muda. Pertandingan baharu yang akan dianjurkan di bawah PPBN adalah berunsur pembangunan jangka panjang, dan menjadi landasan yang terbaik dalam pencarian, pengasahan dan pembentukan individu berlandaskan konsep DNA yang akan diperkenalkan.

## 1. SIRKIT LIGA KOMUNITI AKADEMI TUNAS B-7, B-8 dan B-9

Dianjurkan bagi mengatasi kekurangan jumlah pertandingan di peringkat umur ini. Melalui sirkit ini, Akademi Tunas di dalam kawasan zon tertentu akan bertindak sebagai tuan rumah untuk menganjurkan pertandingan tempatan di dalam komuniti mereka pada setiap dua atau tiga minggu sepanjang tempoh enam sehingga lapan bulan. Pertandingan ini menjurus kepada konsep santai dan menyeronokkan (*fun-games*) dan melibatkan pasukan-pasukan jemputan seperti sekolah dan kelab yang berhampiran. Ini juga menyediakan peluang untuk Jawatankuasa PPBN mengenal pasti bakat yang berada di luar program PPBN. Liga ini dikelolakan oleh KBS (MSN) dan KPM.

## 2. LIGA AKADEMI TUNAS PERINGKAT ZON B-10, B-11 dan B-12

Diadakan bagi mengatasi kekurangan pertandingan bagi peringkat umur ini. Pertandingan liga mingguan di peringkat sebegini menjadi asas program pembangunan seperti yang telah terbukti berjaya di Eropah, Amerika Selatan dan Amerika Utara. Liga ini melibatkan semua Akademi Tunas yang digabungkan melalui zon-zon tertentu, dengan tempoh pertandingan selama enam sehingga lapan bulan. Liga ini dikelolakan oleh KBS (MSN) dan KPM.

## 3. LIGA AKADEMI TUNAS PERINGKAT KEBANGSAAN B-10, B-11 dan B-12

Liga di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini merupakan persada bagi pemain-pemain terbaik di kalangan Akademi Tunas di setiap negeri menunjukkan keupayaan masing-masing. Pertandingan berdasarkan liga ini akan diadakan selama enam sehingga lapan bulan di antara negeri. Bagi Sabah dan Sarawak, disebabkan faktor jarak perjalanan, Akademi Tunas di dalam kawasan zon tertentu bertindak sebagai tuan rumah untuk menganjurkan pertandingan tempatan di komuniti mereka secara mingguan sepanjang tempoh enam sehingga lapan bulan. Pemilihan Akademi Tunas di kedua-dua negeri terbabit yang berbeza dengan cara penganjuran di Semenanjung Malaysia dibuat disebabkan faktor jarak perjalanan. Liga ini dikelolakan oleh KBS (MSN) dan KPM.

## 4. KARNIVAL JEMPUTAN ANTARABANGSA B-12, B-14 dan B-16

Kejohanan karnival jemputan khas ini melibatkan pasukan-pasukan tertentu dari semua saluran di bawah PPBN serta jemputan antarabangsa dan kelab-kelab komuniti tempatan. Selain daripada menyediakan pendedahan kepada para pemain, ia juga penting untuk menilai aspek perkembangan pembangunan pemain-pemain skuad kebangsaan di peringkat antarabangsa. Ia dikelolakan oleh KBS (MSN).

## 5. LIGA PUSAT LATIHAN DAERAH (PLD) PERINGKAT ZON B-14 dan B-17

Diadakan sejajar dengan peningkatan jumlah bakat yang ditempatkan di PLD. Liga ini melibatkan semua PLD yang digabungkan melalui zon-zon tertentu, dengan tempoh pertandingan diadakan selama enam sehingga lapan bulan. Liga ini dikelolakan oleh KPM dan KBS (MSN).

### 6. SIRKIT TUNAS KBS B-12

Kejohanan sirkit karnival ini, bertujuan menggalakkan penyertaan bagi bakat pemain komuniti yang tidak terlibat dalam landasan pembangunan di bawah PPBN. Selain daripada meningkatkan pendedahan dan kesedaran kanak-kanak terhadap suasana pertandingan, ianya juga bertujuan sebagai landasan pencarian bakat. Kekerapan sirkit ini adalah setiap dua sehingga tiga bulan di setiap negeri atau zon gabungan negeri. Dikelolakan oleh KBS (MSN).

### 7. KEJOHANAN B-12, B-14 dan B-16 PEREMPUAN JEMPUTAN KEBANGSAAN

Kejohanan sirkit karnival jemputan khas ini melibatkan pasukan-pasukan tertentu dari semua saluran di bawah PPBN serta jemputan sekolah-sekolah antarabangsa dan kelab-kelab komuniti tempatan. Selain daripada meningkatkan pendedahan pertandingan, ianya juga bertindak sebagai landasan pencarian bakat. Kekerapan penganjuran sirkit ini adalah dalam setiap dua sehingga tiga bulan. Dikelolakan oleh KBS (MSN) dan KPM.

### 8. LIGA BELIA KBS B-14 dan B-16

Liga ini memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan penyertaan belia dalam usaha mencari bakat pemain komuniti yang tidak terlibat dalam landasan program di bawah PPBN. Liga ini juga memberikan peluang yang baik buat pencari bakat mengenal pasti pemain berpotensi yang boleh diserap masuk ke dalam pusat latihan di bawah PPBN. Pertandingan ini bermula di negeri masing-masing yang kemudiannya ke peringkat zon gabungan negeri dan berkesudahan di kejohanan kebangsaan yang merupakan peringkat antara pemenang zon gabungan negeri. Kejohanan ini dikelolakan oleh KBS (MSN).

### 9. LIGA PEREMPUAN KBS B-17

Liga kebangsaan ini melibatkan Sekolah Sukan Negeri yang terpilih, di samping penyertaan skuad tertentu daripada Sekolah Sukan Malaysia Sabah dan pasukan luar. Liga ini dikelolakan oleh KBS (MSN) dan KPM.

## KEJOHANAN SEDIA ADA

1. KEJOHANAN BOLA SEPAK MSSM B-12
2. LIGA BOLA SEPAK KPM PIALA MENTERI PENDIDIKAN B-14
3. KEJOHANAN BOLA SEPAK MSSM B-15
4. LIGA BOLA SEPAK PIALA REMAJA KPM/FAM B-17
5. KEJOHANAN BOLA SEPAK JUARA SEKOLAH B-17
6. KEJOHANAN BOLA SEPAK MSSM B-18
7. KEJOHANAN BOLA SEPAK SEKOLAH PREMIER B-18
8. LAIN-LAIN KEJOHANAN
  - a. PROGRAM PENCARIAN BAKAT BOLASEPAK B-11
  - b. CHAMPION OF CHAMPIONS B-12
  - c. KEJOHANAN BOLA SEPAK SEKOLAH MURID ORANG ASLI B-12
  - d. KEJOHANAN MYKIDS SOCCER B-10, B-11 & B-12
  - e. KEJOHANAN PLD PERINGKAT KEBANGSAAN B-14
  - f. ASIAN SCHOOLS FOOTBALL CHAMPIONSHIP B-15
  - g. ASIAN SCHOOLS FOOTBALL CHAMPIONSHIP B-18

## CADANGAN PENAMBAHAN & PENAMBAHBAIKAN

1. SIRKIT LIGA KOMUNITI AKADEMI TUNAS B -7, B-8 & B-9
2. LIGA AKADEMI TUNAS PERINGKAT ZON B-10, B-11 & B-12
3. LIGA AKADEMI TUNAS PERINGKAT KEBANGSAAN B-10, B-11 & B-12
4. KARNIVAL JEMPUTAN ANTARABANGSA B-12, B-14 & B-16
5. LIGA PLD PERINGKAT ZON B-14 & B-17
6. SIRKIT TUNAS KBS B-12
7. KEJOHANAN B-12, B-14 & B-16 PEREMPUAN JEMPUTAN KEBANGSAAN
8. LIGA BELIA KBS B-14 & B-16
9. LIGA PEREMPUAN KBS B-17

# PPBN: SEPINTAS LALU

## 1 DNA BOLA SEPAK

Mewujudkan Falsafah Permainan Tersendiri

- a. Pembentukan gaya dan corak permainan yang sesuai bagi bakat muda
- b. Penerapan formasi latihan 4-4-2 dan 4-5-1
- c. Pemahaman tinggi mengenai strategi menguasai permainan
- d. Penekanan terhadap konsep permainan
- e. Tumpuan kepada aspek pembangunan kendiri pemain

## 2 WIRA BOLA SEPAK NEGARA

Menggalak Dan Meluaskan Penyertaan Bakat Muda

JUMLAH PEMAIN  
TAHUN 2013: 5,454

TAHUN 2020 **51,125**

## 3 KEMUDAHAN

Memperbanyak Bilangan  
Dan Menambah Baik Pusat Latihan

TAHUN 2013: 77

TAHUN 2020 **320**

## 5 PERTANDINGAN

Memperbanyak Dan  
Mempelbagaikan Kejohanan  
Kompetitif

TAHUN 2013: 16

TAHUN 2020 **37**

## 4 JURULATIH

Meningkatkan Kuantiti Dan  
Kualiti Jurulatih

TAHUN 2013: 387

TAHUN 2020 **2,472**



# PENUTUP

PPBN merupakan satu usaha jangka masa panjang kerajaan melalui KBS dalam membangunkan sukan bola sepak di negara kita. Komitmen kerajaan dalam melaksanakan PPBN adalah amat tinggi dan fasa pertama ini sudah pastinya merupakan titik permulaan kepada satu usaha berterusan dan konsisten. PPBN bakal membuka lembaran baharu kepada dunia bola sepak negara kita, terutamanya bagi pemain berusia di antara tujuh sehingga 17 tahun. Pelaksanaan pelan ini yang melibatkan pelbagai pihak dengan tanggungjawab masing-masing yang jelas, menjanjikan satu usaha yang lebih jitu dan mampan ke arah memajukan lagi sukan ini. Setiap pemegang taruh perlu memberi sokongan serta komitmen padu bagi memastikan saluran bakat yang diwujudkan di bawah pelan ini akan benar-benar dapat melahirkan lebih ramai pemain harapan negara.

Dengan adanya DNA yang akan menjadi sandaran kepada pembangunan bola sepak negara, satu sistem pembangunan yang lebih sistematik dan berkesinambungan sudah pastinya akan dapat dilaksanakan. Pendekatan secara menyeluruh ini diharapkan akan menjadi pemangkin dalam menjadikan Malaysia sebagai satu negara yang berjaya menghasilkan pemain berkualiti dengan gaya tersendiri yang akan menjadi kebanggaan dan idola semua suatu hari nanti.

Sudah pastinya, dengan kerjasama erat daripada semua pihak, PPBN akan berjaya melahirkan satu generasi pemain muda bola sepak yang serba boleh. Ini sudah pasti akan merancakkan lagi usaha mencungkil dan mengasah bakat anak-anak muda negara yang diharapkan dapat mengembalikan zaman kegemilangan bola sepak negara yang pernah kita kecapi suatu masa dahulu. Dengan sokongan padu rakyat Malaysia, bola sepak negara mampu diangkat ke peringkat yang lebih tinggi dengan kejayaan di peringkat antarabangsa yang sudah pastinya akan membanggakan semua.





**Diterbitkan oleh**  
**Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia**  
Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62570 Putrajaya.

Tel: 03-8871 3333 Faks: 8888 8763

[www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my)